



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Sevent Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I Bil. 37 Hari Selasa 15hb Disember, 1987

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RAHG DNDHAG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Polis (Pindaan)	(Ruangan 37)
Rang Undang-undang Kewangan	(Ruangan 81)
Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan)	(Ruangan 97)

DN.15.12.87.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 15hb Disember, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

KAD PENGENALAN PALSU

1. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan dapat mengesan pemegang-pemegang kad pengenalan palsu bersabit dengan terbongkarnya kegiatan menjual kad-kad pengenalan palsu kepada orang-orang tertentu dan apakah tindakan yang diambil setelah mengesan mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Negara dapat mengesan pemegang-pemegang kad pengenalan palsu tersebut. Mereka yang terlibat ada yang telah didakwa di mahkamah dan ada yang masih dalam siasatan Jabatan Pendaftaran Negara. Apa-apa tindakan selanjutnya kepada kes-kes ini bergantung kepada hasil siasatan Jabatan.

Tuan Haji Jaafar bin Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Suka saya mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan berapa lama mereka menjalankan kegiatan mengeluarkan kad pengenalan palsu itu baru dapat dikesan dan berapa banyak sehingga sekarang ini dikeluarkan? Bagaimana caranya baru dapat dikesan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kegiatan ini memang teiah berjalan begitu lama dan tidak berapa ketara. Namun begitu apabila kita telah merasakan bahawa kegiatan ini telah berkembang maka kita telah menjalankan siasatan dan sehingga kini sebanyak 121 kes pengeluaran kad pengenalan kepada orang-orang yang tidak berhak telah dikesan. Lima kes telahpun dibawa ke mahkamah, selebihnya masih dalam siasatan Jabatan Pendaftaran Negara.

'Siasatan rapi telah dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan sehinggakan empat orang kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara di Semenanjung Malaysia telahpun ditahan di bawah ISA kerana terlibat dalam kegiatan mengeluarkan dengan sengaja kad-kad pengenalan kepada orang-orang yang tidak layak.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan kad pengenalan warna apa yang dipalsukan itu - nierah atau biru?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, daripada merah kepada biru.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan tambahan. Apakah tindakan Kementerian Dalam Negeri kepada sindiket-sindiket yang telah membuat kad pengenalan palsu dan adakah kad pengenalan palsu ini ada terdapat passport antarabangsa juga?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi semua sindiket-sindiket palsu dan juga orang-orang yang telahpun menerima kad pengenalan biru palsu

ini sedang didakwa di mahkamah dan terpulanglah kepada mahkamah untuk mengambil tindakan mengikut lunas-lunas undang-undang. Terdapat juga dalam kajian kita bahawa passport antarabangsa yang telah dipalsukan dan pihak Kementerian sedang mengkaji dengan teliti tentang masalah ini.

**PENGGANTUNGAN SYARIKAT COMWELL DARI
BURSA KOMODITI KUALA LUMPUR**

2. **Dato' Dr. K. S. Nijhar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab menggantung Comwell Sdn. Bhd. dari Bursa Komoditi Kuala Lumpur dan bilakah beliau akan membatalkan tindakan tersebut.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md. Ali]:

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan dalam bidang dagangan hadapan komoditi, Comwell Sdn. Bhd. tertakluk kepada peruntukan Akta Dagangan Komoditi 1985.

Penggantungan Syarikat Corawell dibuat menurut peruntukan dan peraturan-peraturan di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 atas sebab-sebab seperti berikut:-

- (1) Syarikat tidak mempunyai asset ketara bersih atau, dengan izin, net tangible asset seperti yang ditetapkan.
- (2) Syarikat tidak mempunyai wang yang cukup untuk membuat bayaran balik kepada client sekiranya client membuat permohonan untuk mengeluarkan wang daripada syarikat.

- (3) Syarikat telah membuat beberapa kenyataan palsu kepada Suruhanjaya Dagangan Komoditi berhubung dengan perantikannya sebagai broker di luar negeri dan juga cara perjalanannya atas Bursa Seberang Laut.
- (4) Syarikat telah menjalankan perniagaan atas Bursa Seberang Laut yang boleh memudaratkan kepentingan awam dan bertentangan dengan peruntukan di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985.
- (5) Syarikat telah menjalankan perniagaan di cawangan di Kluang dan Teluk Intan tanpa mendapat kebenaran daripada Bursa Komoditi Kuala Lumpur dan juga Suruhanjaya Dagangan Komoditi.

Walaupun bayaran penuh sebanyak \$193,915.68 kepada 38 orang yang berdagang di Bursa Komoditi Kuala Lumpur telah dibuat, tuntutan yang telah diterima oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi dari 500 clients yang berniaga di seberang laut yang melebihi \$3 juta tidak dapat dipenuhi oleh kerana jumlah wang yang dipunyai oleh syarikat tidak mencukupi. Pihak syarikat telah mengemukakan cadangan untuk menyusun setnula struktur dan memperbaiki kedudukan kewangannya. Untuk berbuat demikian, syarikat hendaklah menambah funds sebanyak \$3.2 juta bagi menampung tanggungan syarikat kepada clients dan juga mempunyai asset ketara bersih tidak kurang daripada \$1 juta.

Sehingga sekarang pihak syarikat tidak dapat memenuhi kedua-dua syarat tersebut. Oleh itu penggantungan terhadap syarikat ini akan terus dikekalkan.

Walau bagaimanapun jikalau pihak syarikat tidak berpuas hati, mereka bolehlah membuat rayuan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985 dan juga Peraturan Bursa Komoditi Kuala Lumpur.

IJAZAH PERGIGIAN DAN FARMASI DARI INDIA/TAIWAN

3. Tuan M. Sangaralingam minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet ditubuhkan bagi mengkaji ijazah-ijazah Pergigian dan Farmasi di luar negeri, khususnya India dan Taiwan, dan apakah hasil kajian mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah dinyatakan bahawa tiada Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan untuk mengkaji ijazah-ijazah Pergigian dan Farmasi daripada negeri-negeri asing, hanya se-buah jawatankuasa tetap yang telah ditubuhkan oleh Kabinet.

Buat masa ini terdapat satu sistem penilaian Ijazah Farmasi. Ijazah Farmasi dari luar negeri hanya dinilai atas permohonan warganegara Malaysia yang telah atau sedang mengikuti kursus yang berkenaan. Lembaga Farmasi, satu badan profesyenal yang ditubuhkan dan di bawah Ordinan Pendaftaran Ahli Farmasi, 1951, menilai ijazah yang berkenaan dari segi kelayakan masuk ke Institusi bekaitan, jangka masa kursus, isi kandungan kursus, alat-alat kelengkapan makmal, kelayakan pensyarah-pensyarah dan kakitangan akademik soalan-soalan peperiksaan, nisbah pengajar dengan penuntut, serta membandingkannya dengan taraf kelayakan tempatan dan sebagainya.

Syor-syor dan ulasan-ulasan Lembaga Farmasi kemudian dikemukakan kepada Jawatankuasa Kecil bagi Kelayakan Perubatan dan Separa Perubatan yang dikelolakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Syor-syor dan ulasan-ulasan Jawatankuasa Kecil ini akan diedarkan untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Urusetia. Setakat ini, di antara ijazah-ijazah yang telah dinilai, dua belas adalah daripada negeri India dan dua daripada negeri Taiwan.

Daripada jumlah ini, hanya dua ijazah dari negeri India telah diiktirafkan.

Mengenai Ijazah Pergigian pula buat masa sekarang tidak ada ijazah pergigian dari India dan Taiwan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat senarai yang mengandungi 16 ijazah pergigian yang telah diluluskan iaitu di bawah undang-undang 14 dari India dan 2 dari Taiwan. Pemegang kelulusan ini memerlukan latihan selama dua tahun dan selepas itu mereka juga perlu menjalani ujian penilaian. Mereka yang lulus akan didaftarkan di bawah seksyen 12(3) Akta Pergigian 1971 dan boleh menjalankan pengamalah pergigian.

PELABUR ASING DI SARAWAK

4. Tuan Tiong Hiew King minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berapa banyakkah pelabur-pelabur asing yang telah melabur di negara kita seluruhnya dan di Sarawak khasnya sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan dasar baru Pengalakan Pelaburan kita di Amerika Syarikat hingga hari ini; dan
- (b) sejak pelaksanaan dasar baru Pengalakan Pelaburan kita, apakah Kerajaan berpuas hati dengan sambutan sektor swasta dalam negeri dan luar di bidang pelaburan, jika tidak, apa sebabnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Tuan M.G. Pandithan]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya menjelaskan bahawa:

- (a) setelah sesuatu dasar itu diumutnkan, biasanya hasil yang sebenar tidaklah boleh dikesan dengan serta-merta. Namun demikian, adalah diperhatikan bahawa sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan dasar baru daripada itu pada bulan Oktober, 1986 di New York sehingga Oktober, 1987 Kerajaan telah melulus-

kan projek-projek perindustrian yang mempunyai kepentingan milik asing dengan modal yang dibayar adalah berjumlah \$494.3 juta dan daripada jumlah tersebut sebanyak \$6.6 juta adalah di Sarawak.

- (b) kemasukan pelaburan ini menunjukkan bahawa dasar yang diumumkan itu adalah berkesan dan Kerajaan setakat ini berasa puas hati dengan sambutan yang diberikan oleh pihak swasta.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini pelabur-pelabur Arab telah menyatakan kesediaannya untuk melabur di negara kita. Apakah sambutan rakyat negara ini di atas pelaburan Arab ini dan apakah jenis pelaburan yang akan diceburi oleh pelabur-pelabur Arab.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru "ini lawatan pelabur-pelabur dari Arab telah mengumumkan sebanyak lebih \$200 juta untuk menanam sebagai modal di sini. Itu menunjukkan satu kepercayaan di tanahair kita.

Tuan G. Rajoo: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri dua sahaja soalan tambahan.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memilih New York untuk mengumumkan dasar baru. Apakah sambutan yang telah diberi oleh pelabur-pelabur Amerika Syarikat dan juga lain-lain negara?

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod Kementerian saya, Januari hingga Ogos, 1986 sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan dasar baru di New York, Amerika Syarikat membuka 20 projek dan menanam modal sebanyak \$15,110,980. Selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumum-

kan dasar baru di New York pada 1987, dalam tempoh yang sama Malaysia meluluskan sejumlah 11 projek dengan modalnya \$33,904,000 dari Amerika Syarikat. Ini menunjukkan satu sambutan yang baik. Tuah Yang di-Pertua, lain-lain rekod dari lain negara saya tidak mempunyai di sini. Kalau Yang Berhormat perlu jawapan yang lengkap, saya memerlukan notis.

KADAR PENGANGGURAN

5. **Tuan Hassan bin Nam** minta Perdana Menteri menyatakan iaitu berapa peratuskah pengangguran sebenarnya di negara kita sekarang dan adakah lebih teruk kadar pengangguran sekarang dari dahulu jika dibandingkan, dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran sebelum ia membawa akibat-akibat yang buruk kepada negara.

Setiasaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran di negara kita pada tahun 1987 adalah dianggarkan sebanyak 9.1%. Untuk tahun 1986 kadar pengangguran adalah kira-kira 8.5%. Untuk tahun 1985 kadarnya adalah 7.6%. Bagi tahun 1980 pula, kadar pengangguran berada pada tahap 5.7%.

Untuk mengatasi masalah pengangguran, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah jangka pendek yang sebelum ini sudah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini. Di antara langkah-langkah tersebut termasuklah:

- (i) skim pembinaan rumah kos rendah;
- (ii) pengubahsuaian tanah lombong untuk kegunaan pertanian;
- (iii) projek-projek pembinaan jalanraya dan jalan-jalan kecil;

- (iv) penyusunan semula peraturan-peraturan yang berkaitan dengan kegiatan penjaja kecil;
- (v) program latihan bagi belia-belie; dan
- (vi) langkah-langkah menyekat kemasukan baru pekerja-pekerja asing.

Puan Nazidah Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan atau perangkaan-perangkaan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, kita merasakan masalah pengangguran ini makin lama makin meruncing dan seringkali kita diberikan sebab utama mengapa ini berlaku ialah kerana kemelesen ekonomi. Jadi, soalan tambahan saya ialah adakah atau tidak kemungkinan masalah ini timbul kerana ada juga kelemahan-kelemahan di dalam perancangan gunatenaga manusia yang kita buat, terutamanya oleh MAMPU umpamanya. Jika ini benar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan perancangan gunatenaga manusia ini tidak akan lagi menimbulkan masalah pengangguran yang sebegini meruncing.

Tuan Othman bin Abdul: Sebenarnya adalah benar bahawa kedudukan pengangguran di negara kita ini adalah berkaitan dengan masalah kemunduran ekonomi negara, tetapi hendak dikatakan perancangan yang dijalankan oleh Kerajaan dalam pembentukan tenaga manusia ini adalah satu perkara yang kita rancang, yang kita buat yang membolehkan Kerajaan untuk memberi pekerjaan kepada setiap orang. Ini adalah pertambahan yang berlaku di dalam negara ini, pertambahan tenaga kerja; pertambahan dari segi mahasiswa-mahasiswa dan juga belia-belia kita yang bertambah pada peringkat ini sedangkan jumlah pekerjaan itu adalah berkurangan. Dengan sebab itu perancangan Kerajaan sememangnya kita jalankan secara rapi tetapi implikasi di sebalik sesuatu perkara yang berlaku yang tidak dapat kita duga itu, misalnya sekarang ini masalah ekonomi yang menurun adalah masalah yang tidak boleh ditolak sebagai satu faktor yang utaraa yang menyebabkan berlakunya pengangguran di dalam negara kita ini.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada mengatasi masalah pengangguran di dalam negara kita, adakah Jabatan Perdana Menteri membuat kajian ataupun sedia membantu peniaga-peniaga yang menghadapi kesukaran dalam perniagaan mereka?

Tuan Othman bin Abdul: Sememangnya di dalatn jawapan saya mula-mula tadi pun saya menyebutkan salah satu daripadanya ialah penyusunan semula peraturan-peraturan yang berkaitan dengan kegiatan peniaga kecil. Dengan Kerajaan menyedari akan hakikat ini, sebab itulah beberapa kemudahan untuk peniaga-peniaga ini terutama peniaga-peniaga kecil akan sentiasa diubahsuaikan untuk kemudahan para penjaja kecil dan peniaga Ini.

KEMPEN MINUM AIR KELAPA MUDA

6. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Pertanian menyatakan kejayaan kempen minum air kelapa muda baru-baru ini. Sama ada Kementerian bercadang memasarkan air kelapa muda dalam tin dan botol. Jika ya, bila dan jika tidak kenapa, Nyatakan juga jenis buah-buahan tempatan yang telah dipasarkan ke Amerika Syarikat dan Eropah dalam tin dan kejayaan projek ini-setakat ini.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, Kempen Minum Air Kelapa Muda yang telah dilancarkan pada 27hb September, 1986 telah berjaya. Untuk mengukur keberkesanan pelaksanaan Kempen ini, FAMA telah menjalankan satu kajian di tiap-tiap ibunegeri di Semenanjung Malaysia dalam bulan September 1987 yang merangkumi penjual air kelapa muda termasuk hotel-hotel antarabangsa dan restoran-restoran.

Maklumat-maklumat yang diperolehi menunjukkan bahawa bilangan penjul air kelapa muda telah meningkat daripada 754 sebelum Kempen ini dijalankan kepada 1,187 pada masa ini iaitu tambahan sebanyak 433 penjual atau 57.4% dan jumlah permintaan untuk kelapa muda telah meningkat daripada 440,000 biji sebulan sebelum Kempen ini kepada 699,000 biji sebulan pada masa ini iaitu tambahan sebanyak 259,000 biji atau 58.9%.

Eksport air kelapa telah mula dijalankan oleh dua buah syarikat tempatan ke Amerika Syarikat dan Taiwan. Adalah dijangka eksport air kelapa ini akan bertambah dari semasa ke semasa.

Mengenai buah-buahan tempatan dalam tin, dimaklurkan bahawa negara kita telah mengeksport pada tahun 1986 sejumlah 46,000 tan metrik bernilai \$57.8 juta. Buah utama yang dieksport dalam tin pada tahun itu ialah nenas sebanyak 45,300 tan metrik bernilai \$55.8 juta. Ini adalah 98% daripada jumlah eksport pada tahun itu. Di antara jumlah eksport ini sebanyak 10,600 tan metrik telah dieksport ke Amerika Syarikat bernilai \$12.6 juta dan 14,200 tan metrik ke Eropah bernilai \$19.8 juta.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pada mula Kempen Minum Air Kelapa Muda ini adalah dengan tujuan untuk meningkatkan harga kelapa tua. Apakah kesannya kepada kelapa tua ini, adakah harganya sekarang meningkat dan memberi pendapatan yang baik kepada para petani?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan yang kami terima, harga kelapa tua itu agak meningkat sedikit.. Walau bagaimanapun, soal peningkatan harga kelapa tua ini bergantung kepada pembelian dari segi kelapa muda. Kalau ramai di antara kita membeli kelapa muda, barangkali harga kelapa tua akan meningkat lagi. Jadi, saya berharaplah Yang Berhormat sendiri kalau boleh mempengaruhi rakyat yang ada di kawasan Yang Berhormat dan di tempat-tempat lain supaya benar-benar minum air kelapa muda ini.

PENDAFTARAN SAUDARA BARU ISLAM

7. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dan memberi penjelasan mengenai pendaftaran "saudara baru" yang didaftarkan semasa pertukaran nama di dalam Kad Pengenalan:

- (i) berapa ramaikah saudara baru Islam itu telah memohon pertukaran nama dan alamat setelah memeluk agama Islam mengikut tahun dan keturunannya;
- (ii) sama ada benar atau tidak permohonan yang dibuat itu tidak menandakan keturunan asal dan nama asal mereka. Kalau beaar, apakah kawalan yang sedang dibuat; dan
- (iii) apakah langkah-langkah yang dibuat bagi membezakan "nama-nama saudara baru" dengan nama orang Melayu yang telah beragama Islam.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Bilangan orang-orang yang memohon pertukaran nama dan alamat setelah mereka memeluk agama Islam belum dapat diberi sebagaimana yang diminta. Walau bagaimanapun, Jabatan Pendaftaran Negara mempunyai rekod mengenai permohonan tersebut dan usaha-usaha sedang dibuat untuk menyediakan perangkaan ini bagi dimasukkan ke dalam sistem 'data-base' secara berkomputer.
- (ii) Setiap permohonan untuk pertukaran nama oleh seseorang 'saudara baru' dicatatkan keturunan asalnya.
- (iii) Jabatan Pendaftaran Negara tidak membezakan nama-nama 'saudara baru' dengan nama orang Melayu yang telah beragama Islam. Jabatan Pendaftaran Negara hanya mengekalkan nama pertama atau, dengan izin, surname dari nama asal beliau pada nama baru yang digunakan setelah memeluk agama Islam. Contohnya, jika nama asal seseorang itu ialah Tan Ah Kow, dan beliau menukarkan kepada nama Abdul Rahim, maka nama baru beliau ialah Abdul Rahim Tan bin Abdullah.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Soalan tambahan, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika 'saudara baru' yang telah menukar nama ke nama Islam itu murtad dan beliau enggan menukar nama Islamnya itu, apakah tindakan dan pengawasan yang dijalankan oleh Kementerian dalam hal ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana untuk menentukan murtad atau tidak seseorang itu bukan bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri, maka tidak dapatlah kita **ber-**buat sesuatu. Tetapi kalau sekiranya ada pihak yang berkuasa untuk menentukan orang itu murtad atau tidak dan disahkan bahawa ia murtad, bolehlah pihak Jabatan Pendattaraa Negara mengambil tindakan.

KANUN PROSEDUR JENAYAH

8. Tuan Paramjit Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk meminda peruntukan Seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah dan mengembalikannya ke sistem latna supaya membolehkan pengambilan pengakuan (confessions) di hadapan Majistret-majistret.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak **ber-**cadang untuk meminda atau menghapuskan Seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah yang telah dilaksanakan mulai Januari 1976 kerana peruntukan ini adalah berfaedah dari segi penyiasatan dan peadakwaan. Bagi pihak yang dituduh pula, ianya adalah berguna untuk menolak dakwaan yang dibuat terhadapnya sekiranya tuduhan yang dibuat itu tidak ber-**asas.** Dengan adanya Seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah, tidak **ber-**makna pengakuan atau confession, dengan izin, di hadapan Majistret tidak dipakai lagi. Pengakuan di hadapan Majistret masih boleh dibuat di bawah Seksyen 115 Kanun Prosedur Jenayah.

DADAH DALAM PENJARA

9. Tuao Koh Im Pin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa dadah didapati dengan mudah dalam penjara; adakah pihak berkuasa mengambil tindakan untvik mengelakkan berlakunya perkara tersebut dengan menjalankan pemeriksaan yang ketat di setiap masa.

17,12.87

7. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang menjalankan ujian kencing (urine test) ke atas banduan dan warder 'periodically' untuk mengesan najis dadah memandangkan tuduhan kononnya banduan dan warder bebas menggunakan dadah di penjara negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan G. Rajoo yang dijadualkan pada 17hb Disember, 1987.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil langkah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji masalah dadah di penjara-penjara dan Jawatankuasa Khas ini sedang dalam proses terakhir menyiapkan laporannya. Pihak Kerajaan akan menimbangkan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Khas tersebut setelah menerima laporannya.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pemeriksaan 100% kepada pengawal-pengawal yang melaporkan diri semasa bekerja di penjara, adakah tindakan selama yang telah diadakan itu berkesan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1976 sehinggalah 1987 pihak Penjara memang menyelidik dan menyiasat tentang telatah dan kelakuan pegawai-pegawainya dan daripada tahun 1976 sehingga 1987 seramai 96 kakitangan Penjara yang telah dapt ditangkap terlibat dengan dadah. Daripada bilangan tersebut, 54 orang telah dibuang kerja, 24 orang dihantar ke Pusat Pemulihan dan diterima balik bekerja 15 orang.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah keberkesanan di mana selama ini telah diamalkan membuat pemeriksaan 100% terhadap pengawal-pengawal penjara sebelum mereka memulakan kerja-ataupun selepas mereka melaporkan diri bekerja pada tiap-tiap hari?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya kurang faham dengan soalan Yang Berhormat, keberkesanan yang macam mana?

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya sebenarnya berbunyi demikian: Dalam tindakan seseorang pengawal apabila ia melaporkan diri ataupun memulakan kerja, adakah pihak Penjara membuat pemeriksaan 100% terhadap barang-barang yang dibawanya dan adakah tindakan yang diamalkan selama ini berkesan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Maksudnya bukanlah kepada kakitangan tetapi kepada pelawat-pelawat yang datang ke penjara?

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, bukan, kepada pengawal-pengawal.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan yang di-Pertua, saya tidak tahulah, pengawal-pengawal tidak membawa apa-apa masuk ke penjara. Yang membawa ialah pelawat-pelawat. Jadi mengapa pengawal mesti diperiksa dengan teliti.

LEMBAGA KUMPULAN WAHG INDIA SELATAN - PINJAMAN PERUMAHAN

10. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan Lembaga Kumpulan Wang India Selatan adalah suatu badan yang terletak di bawah Kementerian Buruh dan pekerja-pekerja badan ini adalah diambil masuk sebagai kakitangan yang berpencen, tetapi mereka tidak dapat menikmati pinjaman perumahan Kerajaan, apakah sebabnya mereka tidak dapat menikmati faedah ini seperti kakitangan yang berpencen.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan di sini bahawa mulai daripada bulan Julai, 1987, kemudahan pinjaman perumahan Kerajaan telahpun dipanjangkan kepada kakitangan- kakitangan Lembaga Kumpulan Wang India Selatan yang berkelayakan. Walau bagaimanapun, permohonan mereka adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

Untuk maklurnan Ahli Yang Berhormat, sebagaimana perisytiharan Kerajaan yang berkuatkuasa pada tahun 1980, Kerajaan Pusat telahpun membuat keputusan untuk mengambil alih skim pinjaman perumahan yang dahulunya dikendalikan oleh beberapa buah Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun Persekutuan, Badan-badan Berkanun Negeri dan Pihak Bekuasa Tempatan.

Walaupun bagaimanapun, mulai 10hb Ogos, 1982, pihak Kerajaan telah menasihatkan mana-mana badan yang belum menyerahkan skim pinjaman perumahan mereka kepada Perbendaharaan untuk menanggungkan skim pinjaman perumahan kepada Kerajaan sehingga tarikh yang akan diberitahu kelak, tetapi tujuan tindakan sedemikian adalah kerana memandangkan ekonomi negara pada masa itu memerlukan langkah- langkah penjimatan diambil di dalam beberapa aktiviti Kerajaan.

Adalah dimaklumkan oleh kerana Kementerian ini tidak menerima sebarang permohonan sebelum 10hb Ogos, 1982 daripada Lembaga Kumpulan Wang India Selatan, maka Lembaga tersebut tertakluk kepada keputusan untuk menanggungkan pengambilan alih skim pinjaman perumahan tersebut. Walau bagaimanapun, memandangkan jumlah kakitangan Lembaga Kumpulan Wang India Selatan tidaklah begitu banyak, keputusan telahpun di ambil bahawa mulai daripada bulan Julai, 1987, satu pengecualian diberi dan segala permohonan pinjaman kakitangan Lembaga tersebut akan diterima oleh Kementerian ini.

Puan Ainon binti Ariffin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu selain daripada Lembaga Kumpulan Wang India Selatan, Lembaga Kumpulan mana lagi yang ada di bawah pengawasan Kementerian Kewangan kita?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu terkeluar sedikit daripada pokoknya, dan oleh kerana maklumat-maklumat lanjut tidak ada pada saya, saya ingin notis daripada Yang Berhormat Puan Ainon.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Saya telah memberi ingatan atas perkara ini dan beberapa kali telah meminta kerjasama dari Ahli-ahli Yang Berhormat,

DADAH DI SEKOLAH-SEKOLAH - PENGLIBATAN MURID

11. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah benar atau tidak bahawa sekolah-sekolah diancam oleh najis dadah, sekiranya benar, sila nyatakan berapakah bilangan murid-murid telah terlibat dan apakah tindakan telah diambil membanteras ancaman najis dadah di kalangan generasi muda.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin kerana jawapan saya panjang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan murid-murid yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di sekolah-sekolah dari tahun 1981 hingga Oktober, 1987 ialah seramai 1,142 orang. Murid-murid ini merupakan murid-murid sekolah menengah. Sehingga ini tidak ada kejadian murid-murid sekolah rendah yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dilaporkan kepada Kementerian Pendidikan.

Bagi membanteras ancaman najis dadah di kalangan generasi muda, terutama yang berada di bangku sekolah, Kementerian Pendidikan telah dan akan terus mengambil beberapa langkah tertentu di antaranya ialah:-

- (i) mengada dan menggiatkan lagi kempen kesedaran akan bahaya dadah kepada murid-murid melalui ceramah-ceramah, pameran anti dadah dan pertandingan menulis esei dan melukis poster di kalangan murid-murid;
- (ii) mengadakan kursus kesedaran anti dadah kepada ketua-ketua murid dan pemlmpin-pemimpin pelajar supaya mereka dapat membantu pihak sekolah mengenalpasti murid-murid yang disyaki. terlibat dengan dadah;
- (iii) mengarahkan pihak sekolah menubuhkan jawatankuasa anti dadah di peringkat sekolah bagi menjalankan pelbagai aktiviti penerangan dan pendidikan mengenai bahaya dadah;
- (iv) mengarahkan Pejabat Pendidikan Daerah menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan Pencegahan Dadah bagi melaksanakan aktiviti penerangan dan pendidikan kepada ibubapa dan guru-guru serta masyarakat setempat dan peranan masing-masing dalam usaha membanteras ancaman dadah dalam keluarga dan masyarakat;
- (v) meminta sekolah-sekolah meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling bagi membantu murid-murid yang menghadapi masalah terutama masalah yang boleh mendorong murid-murid itu ke arah perbuatan menyalahgunakan dadah;
- (vi) mengadakan aktiviti kem jayadiri untuk murid-murid yang berisiko supaya mereka sedar bagaimana mereka boleh terperangkap ke dalam ancaman najis dadah;
- (vii) mengadakan serbuan mengejut dan ujian air kencing ke atas murid-murid terutama di sekolah-sekolah menengah yang kerap melaporkan ada murid-murid terlibat dengan penyalahgunaan dadah; dan akhirnya

- (viii) menerbitkan bahan-bahan bacaan dan rujukan serta mengadakan kursus untuk guru-guru bagi meningkatkan komitmen mereka dalam usaha mencegah ancaman dadah di kalangan murid-murid.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Berilah peluang kepada, orang baru. Tuan Lau Keng Siong, sila.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan dari Timbalan Menteri Pendidikan sebentar tadi, adalah seramai 1,142 orang terlibat dalam penyalahgunaan dadah mulai daripada tahun 1981 hingga Oktober, 1987. Apakah langkah-langkah atau tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan dan apakah keudukannya atas seramai 1,142 orang ini. Mereka telah berubah sikap atau belum? Sekiranya belum berubah sikap, apa tindakan yang lebih keras atau langkah-langkah yang lebih keras akan diambil oleh Kementerian Pendidikan?

Tuan Woon See Chin: Tuan yang di-Pertua, tindakan-tindakan keras terhadap murid-murid yang disahkan menyalahgunakan dadah adalah membuang mereka dari sekolah. Misalnya, dari tahun 1981 hingga tahun 1986 kita dapati 11 murid-murid sudah dibuang dari sekolah dan 26 murid-murid sudah digantung pelajaran di sekolah. Selain daripada tindakan yang keras yang saya sebutkan tadi, langkah-langkah yang lain ialah kita memberi kaunseling seperti yang saya sudah sebutkan di dalam jawapan asalnya dan jika mereka tidak lagi menukar sikap mereka, kita akan membuang mereka daripada sekolah itu atau meminta Kementerian yang terlibat untuk membantu mereka **ini**.

Puan Law Jack Yoon: [Bangun]

Cik Norani binti Haji Beluah: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar dahulu, kalau ia, satu minit.

Yang Berhormat Puan Law.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, apakah sebab-sebabnya murid-murid turut terlibat dalam penyalahgunaan najis dadah?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, mereka menyalahgunakan dadah sebab dipengaruhi oleh orang-orang yang jahat, tetapi yang penting sekali ialah saya hendak merayu kepada semua ibu-bapa serta keluarga untuk menjaga anak-anak mereka dan saya harap Yang Berhormat, khasnya Yang Berhormat wanitanya membantu Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni.

Tuan Paramjit Singh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.12.

KEJADIAN ROGOL

12. **Tuan Paramjit Singh [di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan bahawa memandangkan kejadian rogol semakin menjadi-jadi di hari **ini**. Tidakkah Kerajaan bercadang dalam menyemak undang-undang rogol, selain daripada hukuman penjara yang lebih berat, hukuman kembiri juga dikenakan kepada penjenayah, terutamanya kepada mereka yang merogol anak sendiri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini sedang mengkaji cadangan-cadangan terhadap pindaan undang-undang mengenai kesalahan-kesalahan seks bertujuan memberi perlindungan kepada mangsa-mangsa jenayah tersebut. Pindaan-pindaan akan dibuat sekiranya didapati perlu dan wajar supaya pencegahan dapat dibuat dengan lebih berkesan.

**TOL DI LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-KELANG -
BANTAHAN NEGERI SELANGOR**

13. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kerjaraya meuyacakan benarkah Kerajaan Negeri Selangor enggan merestui kutipan tol sepanjang Federal Highway dalam Selangor. Sekiranya benar apakah jalan penyelesaian.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya memang ada menerima bantahan daripada Kerajaan Negeri Selangor terhadap cadangan untuk membuat kutipan tol di sepanjang Lebuhraya Persekutuan dari Kuala Lumpur keKlang,

Walau bagaimanapun, Kementerian Kerjaraya telah meneliti bantahan tersebut dan berpendapat bahawa rancangan yang telah dibuat itu akan tetap dilaksanakan. Mengenai masalah penyelesaian yang telah dibangkitkan ini, Kementerian Kerjaraya yakin bahawa perkara ini dapat diselesaikan dengan baik melalui semangat kerjasama Barisan Nasional serta perhubungan harmoni dua hala antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaaa Persekutuan.

JALANRAYA PERSEKUTUAN DI MELAKA

14. **Puan Hajjah Azizah binti Hajl Mohd. Said** minta Menteri Kerjaraya menyatakan memandangkan bahawa negeri Melaka, khususnya bandar Melaka, telah penuh sesak dengan kenderaan-kenderaan, sama ada dari selatan ke utara ataupun dari utara ke selatan, semenjak lebuhraya Senawang ke Air Keroh dibuka kepada orang awam pada bulan Ogos yang lalu, adakah pihak Kementerian bercadang merabaikl atau membesarkan jalanraya "Persekutuan" yang terdapat di Bandar Melaka itu, kerana keadaan jalan tersebut tidak sesuai lagi buat masa ini.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya mett\ang bercadang untuk mempertingkatkan beberapa jalanraya Persekutuan di negeri Melaka, khususnya Jalan Melaka ke Kendong, Jalan Melaka ke Muar dan Jalan Melaka ke Lubuk China.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekabentuk bagi jalan-jalan tersebut telahpun siap. Buat masa itii hanya sebahagian daripada jalan tersebut iaitu Jalan Melaka ke Kendong, dari Batu 2.00 ke Batu 3.25 dari Batu 5.00 ke Batu 7.23 telah siap dilebarkan. Bahagian-bahagian yang lain akan dilebarkan apabila peruntukan diperolehi kelak.

Selain daripada itu juga, Jalan Pekeliling Bandar Melaka iaitu satu jalanraya yang baru telah juga siap direkabentuk akan tetapi hanya dapat dilaksanakan apabila peruntukan dapat diperolehi kelak.

KENAIKAN PANGKAT GURU-GURU

15. **Tuan Manap bin Hashim** minta Menteri Pendidikan raenyatakan bilakah tarikh pelaksanaan kenaikan guru-guru dalam negeri Kedah memandangkan negeri Pulau Pinang telah pun dilaksanakan pada 1hb September, 1987.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah dan sedang giat menjalankan urusan Pengisian Jawatan-jawatan Kenaikan Pangkat bagi guru-guru dalam Kategori 'C' dan 'D' di seluruh Malaysia. Bagi negeri Kedah, pelaksanaan pengisian Jawatan-jawatan Kenaikan Pangkat secara pemangkuan dengan tujuan dinaikkan pangkat telahpun dibuat dan tarikh berkuatkuasanya penempatan bagi mereka yang berjaya adalah mulai 16hb November, 1987.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Norani binti Beluah.

Puan Hajjah Rosoah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 16.

SISWAZAH TANI

16. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh [di bawah 5.0.23(2)]** minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah bantuan dan sokongan yang diberikan kepada siswazah-siswazah tani yang benar-benar mahu berdikari di dalam menjayakan projek-projek pertanian dari segi:

- (a) Kemudahan permohonan tanah;
- (b) kemudahan pinjaman bank; dan
- (c) alat pertanian:
 - (i) Jentera tani;
 - (ii) benih dan kemudahan-kemudahan input yang lain.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian akan meneruskan usaha-usaha untuk menjayakan program petani siswazah. Program ini di antara lainnya bertujuan untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada siswazah dan juga untuk mewujudkan satu golongan petani moden. Dalam melaksanakan program ini pihak Kementerian memberi bantuan dan sokongan yang sewajarnya untuk memudahkan mereka melibatkan diri di dalam sektor pertanian di peringkat permulaan.

Dalam hal permohonan tanah, pihak Kementerian melalui Jabatan Pertanian, boleh memberi nasihat mengenai kesesuaian tanah untuk pertanian. Walau bagaimanapun, pemohon perlu mengemukakan permohonan terus kepada Kerajaan Negeri yang berkeajaan memandangkan urusan tanah adalah hak mutlak Kerajaan-kerajaan Negeri. Selain daripada permohonan untuk tanah baru, yang terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri, pihak Keraenterian melalui Lembaga Pertubuhan Peladang memainkan peranan sebagai broker tanah dalam mendapatkan

tanah sawah terbiar untuk diusahakan oleh pengusaha-pengusaha yang berminat, termasuk siswazah-siswazah secara sewaan atau pajakan.

Kemudahan pinjaman bank juga ada disediakan oleh Bank Pertanian Malaysia kepada siswazah-siswazah tani. Walau bagaimanapun, pinjaman-pinjaman adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh bank berkenaan.

Pihak Kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Pertubuhan Peladang Kawasan, ada menyediakan kemudahan pengguna-pengguna alat jentera pertanian seperti traktor dan juga bantuan-bantuan biji benih dan baja kepada kumpulan petani, termasuk siswazah-siswazah tani. Walau bagaimanapun, bagi tujuan mewujudkan petani siswazah yang berupaya berdikari, kemudahan penggunaan alat jentera dan bantuan biji benih serta baja hanya diberi pada peringkat permulaan atau pada musim pertama sesuatu projek,

BURUH ASING YANG BERDAFTAR

17. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah tenaga buruh asing yang berdaftar dan diketahui oleh Menteri berada di Malaysia sehingga sekarang. Kadar buruh asing yang tidak berdaftar adakah Menteri tahu berapa jumlahnya mereka yang bekerja di ladang-ladang dan kilang-kilang serta projek swasta.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jumlah buruh asing berdaftar yang dibenarkan bekerja di Malaysia sehingga 31.10.1987 adalah seperti berikut:

(a) Sektor Perladangan dan Binaan	978
(b) Pembantu rumah	5,658
Jumlah	6,636

Bagi kategori-kategori pendatang-pendatang haram, Keraenterian tiada mempunyai statistik oleh kerana mereka ini datang secara haram dan tindakan dari masa ke semasa diambil untuk mengenalpasti dan tindakan selanjutnya terhadap mereka ini untuk diusir keluar dari negara ini.

IMPORT IKAN

18. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah import ikan dalam tahun 1985, 1986 dan tahun ini;
- (b) usaha-usaha dan galakan kepada nelayan untuk meneroka laut dalam;
- (c) sejauh manakah wujudnya persefahaman dan kerjasama menangkap ikan antara Malaysia dan Thailand, dalam kawasan ZKE; dan
- (d) sama ada usaha-usaha telah dijalankan untuk menggalakkan bekas-bekas anggota Tentera Laut menjadi nelayan laut dalam.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah import ikan dalam tahun 1985 dan 1986 ialah masing-masing 230,309 dan 238,989 tan metrik yang bernilai \$310 juta dan \$328 juta, Angka bagi tahun ini belum diperolehi.
- (b) Usaha dan galakan kepada nelayan untuk meneroka laut dalam ialah:
 - (i) memberi latihan;
 - (ii) perlindungan di laut melalui Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim;
 - (iii) menjalani penyelidikan dan kajian dayamaju ekonomi ke atas stok sumber;

- (iv) mengadakan skim pinjaman dengan kadar dan syarat yang mudah;
 - (v) memberi pengecualian cukai import ke atas peralatan dan enjin bot;
 - (vi) memberi peluang pelupusan cukai pendapatan di bawah Taraf Perintis;
 - (v) pengeluaran lesea perikaaan.
- (c) Kerjasama yang diadakan ialah antara Syarikat Malaysia dan sebuah syarikat pemasaran di Thailand. Kerjasama yang dilaksanakan ialah dalam pemasaran ikan tuna yang ditangkap oleh bot Malaysia.
- (d) Kerajaan memang menggalakkan bekas anggota Tentera Laut menjadi nelayan laut dalam. Mereka boleh menyertai kursus latihan laut dalam atau mendapat latihan di atas bot yang sedang beroperasi. Ceramah tentang peluang pelaburan dalam perikanan laut dalam telah juga diberikan kepada bekas anggota tentera.

PENGAJARAN BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH TAMIL

19. **Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Pendidikan menyatakan bolehkah Kerajaan menambahkan waktu pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah Tamil.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan waktu pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang diberi sekarang ini adalah mencukupi. Ini sejajar dengan peruntukan masa yang termaktub di dalam "Peraturan Kursus Pengajian". Sebarang perubahan terhadap peruntukan masa ini perlulah dikaji dengan mendalam kerana penambahan waktu akan membawa beberapa implikasi khususnya kepada peruntukan masa bagi matapelajaran lain.

Tuan C. Krishnan: Timbalan Menteri Pendidikan, sedarkah bahawa memandangkan kepada peperiksaan penilalan darjah 5 dan darjah 6 sangatlah merosot di dalam Bahasa Malaysia. Saya dapat tahu 93% gagal di dalam peperiksaan penilaian. Sekiranya benar, apakah tindakan ataupun cadangan-cadangan daripada Kementerian Pendidikan supaya meninggikan kanak-kanak di dalam Sekolah Tamil yang boleh meluluskan Bahasa Malaysia sebagai satu bahasa yang utama. Ini akan menentukan pencarlan kehidupan mereka oleh sebab itu apakah cadangan untuk mengurangkan kemerosotan di dalam peperiksaan penilaian di dalam darjah 5 dan 6.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa mengkaji bagaimana kita dapat menaikkan prestasi Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan satu langkah positif yang kita akan menjalankan ialah pada kelas peralihan,

iaitu selepas murid memasuki ke sekolah menengah mengikut kelas peralihan. Pada tahun 1989 kita akan mengadakan satu kursus baharu iaitu amalan Bahasa Malaysia untuk maksud menguatkan penguasaan murid-murid dalam bahasa Malaysia. -

PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

20. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan dan memberi penjelasan mengenai rancangan-rancangan perumahan yang terbengkalai:-

- (i) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menyelamatkannya dan sebutkan perancangannya dan sejauh manakah keberkesannya. Sebutkan berapa banyak rancangan perumahan yang terbengkalai yang diadakan; dan
- (ii) sama ada Kerajaan sedar bahawa ada di antara pembeli-pembeli terutamanya dari kalangan pegawai Kerajaan yang telah membeli dan telah mengambil pinjaman serta gajinya telah dipotong. Apa pula tindakan Kerajaan membantu untuk menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telahpun saya jawab pada 2.12.87 yang lalu, bersama-sama dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Saudara C. Krishnan iaitu 184 projek telah dikenalpasti, 54 daripadanya sedang dipulihkan, 30 daripadanya telahpun siap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau sudah dijawab tidak usah lagi dijawab.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, fasal ini saya hendak hubungkan dengan soalan (b).

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Okay.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: 15 daripadanya telah mendapat sijil taraf duduk dan 15 sedang dalam pendawaian pembekalan api dan air. Hasil ini adalah kerana program pemulihan yang telah diatur oleh pihak Kementerian.

Di dalam masalah kedua, memang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Terapataa sedar apatah lagi apakala dikemukakan oleh pihak saudara Yang Berhormat, maka teruyatalah perkara ini telahpun berlaku. Namun demikian, sebagai mana yang baru dijelaskan oleh sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa pinjaman-pinjaman perumahan ini adalah tertakluk di bawah bidang Kementerian Perumahan, sungguhpun begitu saya dimaklumkan bahawa pemohon-pemohon ini boleh membuat rayuan kepada pihak Kementerian untuk memberi pertolongan, khususnya pertolongan nasihat kepada pemohon-pemohon. Apa yang lebih jelas, saya ingin nyatakan untuk pengetahuan Yang Berhormat di sini bahawa perjanjian pembeli rumah ini ialah perjanjian di antara pembeli dengan pemaju. Bagi pihak Kerajaan tidaklah terlibat dengan secara langsung. Sungguhpun demikian, oleh kerana Yang Berhormat ingin mengetahui apakah pertolongan yang boleh diberi oleh pihak Kementerian Perumahan, suka saya jelaskan bahawa bagi pihak Kementerian Perumahan meagatur agar rumah ini dapat disempurnakan. Mudah-mudahan bagi pihak pembeli tidak lagi teraniaya sebagaimana yang berlaku.

TANGKAPAN IKAN LAUT DALAM

21. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan, apakah sambutan nelayan di negara ini terhadap program Kerajaan mengenai Tangkapan Ikan Laut Dalam dan nyatakan:-

- (a) jumlah bot yang disediakan; dan
- (b) dimanakah pengkalan bagi kawasan tangkapan di Paotai Timur dan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sambutan nelayan terhadap perikanan laut dalam adalah baik dan menggalakkan.

Bagi menjawab soalan (a), berdasarkan kepada kajian dan data suraber perikanan yang atid, sejumlah 646 permit bot menangkap ikan di laut dalam yang saiznya 70 GRT dan ke atas akan dikeluarkan. Setal ini Kerajaan telah meluluskan 356 permit untuk tujuan tersebut.

Bagi meujawab soalan (b), pengkalan-peagkalan yang ditetapkan di Pantai Timur untuk bot-bot menangkap ikan di laut dalam ialah di Geting, Chendering, Kuantan, Kuala Sedili dan Pasir Gudang. Sementara di Pantai Barat pula ialah di Batu Maung, Pulau Pinang.

Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Timbalan Menteri menerangkan adakah penyertaan belia dan siswazah juga di dalam penangkapan ikan laut dalam ataupun hanya orang-orang yang lama juga yang mengambil bahagian di dalam penangkapan ikan laut dalam.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa ini tiada mengena dengan pertanyaan asal. Apa fikiraa Menteri?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya jawablah. Tuan Yang di-Pertua, memang ada belia yang melibatkan diri dalam penangkapan ikan laut dalam, khususnya dalam syarikat KNI Industri Sdn. Bhd. dan siswazah pun ada. Di antaranya golongan yang mahir pun ada bersama menjalankan kegiatan dalam usaha penangkapan ikan laut dalam ini.

EKSPORT BUAH-BUAHAN TEMPATAN KE PASARAN ANTARABANGSA

22. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah kejayaan Kementerianya memperkeual dan mengeksport buah-buahan tempatan ke pasaran antarabangsa.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian melalui FAMA dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah berjaya memperkenalkan buah-buahan tempatan ke pasaran antarabangsa melalui misi atau rombongan perdagangan dan pameran antarabangsa di Hong Kong, Jepun, Singapura, German Barat, Kuwait, Erairate Arab Bersatu dan Arab Saudi.

Kejayaan ini dibuktikan dengan peningkatan eksport buah-buahan dari setahun ke setahun. Pada tahun 1983, eksport buah-buahan tempatan berjumlah 79,140 tan bernilai M\$32.1 juta dan eksport ini telah ditingkatkan kepada 103,000 tan beruilai M\$72.4 juta pada tahun 1986.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, buah-buahan tempatan yang dieksport ini, buah apakah yang mendapat pasaran paling banyak dan terbaik?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini buah yang benar-benar raendapat pasaran yang banyak ialah pisang emas iaitu kuantitinya tahun 1986 ialah 28,954.68 metrik tan dan nilainya M\$6,586,047.00

DOKUMEN PERJALANAN KE SABAH/SARAWAK

23. **Dato' Dr. K.S. Nijhar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jikalau beliau akan memberi pertimbangan kepada cadangan membatalkan semua pembatasan kepada perjalanan di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, warganegara Malaysia dari Sabah dan Sarawak boleh melawat Semenanjung Malaysia tanpa menggunakan dokumen perjalanan, begitu jugalah sebaliknya warganegara Malaysia dari Semenanjung yang hendak melawat Sabah dan Sarawak. Mereka hanyalah dikehendaki menunjukkan kad pengenalan kepada Pegawai-pegawai Imigresen yang bertugas di pintu-pintu masuk resmi.

Tuan Yang di-Pertua, kelonggaran yang diberikan ini telah menyenangkan rakyat di Semenanjung untuk melawat Sabah/Sarawak dan begitu jugalah sebaliknya rakyat di Sabah dan Sarawak untuk melawat Semenanjung Malaysia. Dengan kelonggaran yang telah diberikan, Kerajaan setakat ini tidak bercadang untuk membatalkan prosedur yang diamalkan pada masa sekarang.

HOSPITAL DAERAH DI CAMERON HIGHLANDS

24. **Tuan M. Sangaralingam** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah tindakan tetap masih tidak dapat diambil untuk membina sebuah hospital Daerah di Cameron Highlands walaupun projek ini telah dirancang 20 tahun yang lalu dan adakan beliau sedar bahawa hospital daerah yang terdapat ialah di Tapah yang terletak 37 batu jauh dari kaki bukit.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa Cameron Highlands perlu disediakan dengan sebuah hospital yang sempurna dan memang ada cadangan untuk membina sebuah hospital di situ. Walau bagaimanapun, dalam keadaan peruntukan pembangunan yang terhad keutamaan untuk membina sebuah hospital dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kelima terpaksa diberi kepada kawasan-kawasan yang masih belum ada apa-apa kemudahan rawatan. Hospital bagi Cameron Highlands akan dipertimbangkan semula dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tengok masa masih cukup untuk satu lagi pertanyaan.

PELAJAR PERUBATAN DI UNIVERSITI TEMPATAN

25. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan pelajar-pelajar jurusan kedokteran pada tiap-tiap tahun dari Universiti tempatan dan luar negeri, berapakah ramai dijangka bilangan keluaran kelulusan kedokteran di negara kita ini;
- (b) pada tahun berapa dijangka keluaran Doktor Universiti-universiti tempatan boleh cukup menampung keperluan negara kita.
- (c) tiap-tiap seorang doktor yang bekerja dengan Kerajaan selepas berapa tahunkah baru boleh melepaskan jawatannya untuk bekerja sendiri; dan
- (d) dalam keadaan sekarang adakah kita masih kekurangan doktor di negara kita ini, sebab apabila pihak pembantu-pembantu perubatan bertindak bekerja mengikut peraturan di beberapa tempat luar bandar di Terengganu ramai pesakit tidak dapat ubat adakah perkara ini benar berlaku.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, 4 bahagian dalam soalan:

- (a) daripada tahun 1980 hingga 1987, seramai 1906 pelajar perubatan telah dapat Ijazah Perubatan dari 3 buah universiti tempatan. Adalah dijangkakan seramai 357 orang lagi pelajar-pelajar perubatan akan keluar dari universiti-universiti tempatan pada tahun 1988 kelak.

Dalam jangka masa yang sama, seramai 1704 pengamal perubatan yang berijazah dari luar negeri telah didaftarkan dengan Majlis Perubatan Malaysia. Adalah dijangkakan bahawa seramai 100 doktor yang dilatih di luar negeri akan balik ke negara kita setiap tahun dalam jangka masa akan datang.

- (b) Keperluan tenaga manusia, terutama doktor, berubah mengikut beberapa faktor seperti taraf ekonomi penduduk, harapan penduduk-penduduk terhadap perkhidmatan kesihatan, corak penyakit, teknologi perubatan dan juga sistem perkhidmatan kesihatan. Berasaskan faktor-faktor yang saya nyatakan itu dan keupayaan negara kita, kita telah merancang keperluan doktor di peringkat nisbah 1:2000 orang penduduk menjelang tahun 1990. Berasaskan kadar pengeluaran semasa, matlamat keperluan negara itu tidak akan dapat dicapai dalam jangkamasa itu.

- (c) semua pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 adalah dikehendaki tnenjalankan perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam (compulsory service), dengan izin, selama tiga (3) tahun.
- (d) dari segi bilangan, kekurangan doktor tidaklah begitu menjejaskan perkhidmatan pada masa ini, tetapi masalah yang lebih besar ialah dari segi taburan, dengan izin, (distribution) doktor-doktor yang tidak seimbang dan kekurangan dalam beberapa bidang kepakaran.

Berkenaan apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bahawa banyak pesakit di kawasan luar bandar Terengganu cidak dapat ubat oleh sebab Pembantu Perubatan bertindak bekerja mengikut peraturan, ini adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup dan untuk makluman kita telah selesaikan 25 pertanyaan-pertanyaan. Hari ini yang paling banyak sejak mula bermesyuarat. [Tepuk]

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 26 hingga 33 adalah

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN)****Bacaan Kali, Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (14hb Disember, 1987)

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said menyambungkan ucapan beliau.

3.38 ptg.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyambung perbahasan semalam dalam ucapan saya iaitu Satu Akta untuk nieminda Akta Polis 1967.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai keamanan, setnalam saya sedang bercakap mengenai keamanan dan kestabilan politik negara kita.

Mengenai keamanan kita di peringkat atas iaitu kita semua perlu mengubah sikap dan cara berfikir terlebih dahulu barulah orang lain yang di bawah kita akan raengikut ibarat kata orang "Kalau hati kita putih, putih jugalah perbuatan kita, jangan kata putih, tetapi perbuatan kita hitam". Ini adalah dikatakan "Lain di mulut lain di hati" namanya - tidak jujur, Dan jangan pula kica cemburu kepada kawan dan rakan antara satu sama lain, cemburu ertinya tidak ada kepercayaan diri sendiri, orang cemburu ialah orang yang lemah semangat dan tidak ada daya tahan - minta maaf. Kalau orang kuat semangat dia tidak cemburuj kalau jiran kita senang, kita kerja lebih kuat untuk mencari kesenangan, bukan cemburukan kesenangan yang diperolehinya. Dan jangan pula kita memburuk-burukkan orang lain, kalau orang lain susah dan hancur kita apa dapat? Dari itu

ubahlah fikiran kita, kikis niat jahat, khianat, hasad dengki. Marilah kita hidup dengan berbaik-baik antara satu sama lain demi semua keturunan dan demi keselamatan negara kita, jika keamanan terkawal, Polis pun tidak teruk bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu melihat keamanan dan kemakmuran semua kaum sentiasa terjamin, kita mahu melihat politik dan ekonorni negara kita sentiasa stabil dan kita mahu melihat generasi akan datang akan dapat hidup dalam rukun damai dan fikiran yang positif. Niat jahat tidak dapat dilihat, akan tetapi dari segi perbuatan mereka boleh membayangkan rancangan jahat mereka seperti kata pepatah "Kata-kata lukisan hati, perbuatan itu gambarannya".

Kita pernah melihat kumpulan orang di tempat-tempat tertentu seperti di padang bola, pawagam dan sebagainya dan kehadiran orang ramai di tempat-tempat tersebut membayangkan mereka mempunyai niat yang baik. Kita pernah juga dapat melihat sekumpulan orang bercakap di tempat gelap di sana-sini dan lebih-lebih lagi pada waktu malam, kehadiran mereka itu menimbulkan syak wasangka kerana kita juga boleh membuat andaian bahawa mungkin mereka itu sedang membuat sesuatu rancangan jahatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah menonton filem iaitu filem 'Cowboy' dengan izin, dan sebelum berlaku rompakan dan pembunuhan di dalam pekan orang-orang jahat akan berkumpul di luar pekan membincangkan dan merancang niat jahat mereka, kerana mereka tahu bahawa pada zaman itu penguatkuasaan undang-undang tidak kuat dan lemah. Pemerintahan menurut undang-undang yang kukuh dan tegas amatlah penting untuk menjamin keamanan dan kemakmuran.

Pemerintahan menurut undang-undang bukanlah berarti menyekat kebebasan penduduk-penduduk, akan tetapi kita harus ingat di dalam masyarakat kita akan wujud pula kambing hitam. Hanya dengan memberi kuasa yang lebih kukuh dan ketegasan Kerajaan sahaja, akan dapat menyekat kambing-kambing hitam ini melakukan sesuatu niat sesuka hati mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan di dalam negara kita bererti kemajuan dalam aktiviti haram pula. Pulau Langkawi kini menjadi pelabuhan bebas dan banyak orang berlumba-lumba memulakan perniagaan import eksport: di sana. Mungkin orang-orang yang terlibat di dalam kumpulan penyeludupan dan sebagainya akan membuat rancangan bagaimana hendak menyeludup barang-barang dagangan, bagaimana hendak menyorokkan senjata api mereka secara haram, bagaimana hendak merompak, menyeludup, melakukan keganasan terhadap kaum perempuan, menyeludup bayi dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sejak negara kita merdeka, negara kita sedang pesat membangun di mana hutan belantara telah dibuka dan disisakan dengan rumah atau taman-taman perumahan di sana sini. Walaupun pihak Polis telah dan sedang mengawal tindakan menangkap mereka yang melakukan jenayah dan mendakwa mereka di mahkamah, kes-kes jenayah masih lagi berterusan berlaku di kampung-kampung atau di bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, niat jahat oleh orang-orang yang berkumpul lebih dari tiga orang untuk melakukan jenayah seperti merompak atau membunuh mungkin setakat menunaikan hasrat jahat mereka atau sebab-sebab membalas dendam dan sebagainya. Tetapi niat jahat yang mungkin dirancang oleh kumpulan orang-orang di tempat-tempat yang tertentu untuk menggulingkan Kerajaan, meniupkan khabar-khabar angin atau membuat fitnah mestilah ditentang oleh Kerajaan habis-habisan.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah metnbina negara ini lebih dari 30 tahun dan semua kaum cintakan keamanan dan kemakmuran. Jika kita membiarkan orang-orang yang tidak jujur mengambil kesempatan membuat rancangan menimbulkan kacau bilau, Tuhan sahajalah yang tahu bagaimana kita boleh membina semula negara yang kita cintai **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap sangat-sangat dan kita yakin pihak Polis tidak pula menyalahgunakan kuasanya kerana kita tidak mahu orang-orang yang tidak berdosa teraniaya oleh kuasanya. Jika terbukti pihak Polis menggunakan kuku besi mereka di belakang kuasa-kuasa di bawah Akta tersebut mereka itu mesti dihadapkan di mahkamah dan menerima hukuman yang setimpal dengan perbuatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian yang telah dan sedang berlaku di setengah negara di mana orang-orang yang tidak berdosa terutamanya wanita dan kanak-kanak dibunuh tanpa belas kasihan lagi oleh kumpulan-kumpulan jahat yang mempunyai niat jahat mungkin juga untuk mengambil alih pemerintahan Kerajaan pergerakan jahat mereka biasanya akan bermula daripada beberapa perjumpaan beramai-ramai di tempat-tempat yang tertentu untuk mengabui mata pihak Polis, sambil berpura~pura belajar sesuatu kononnya akan berlakulah perbincangan dan rancangan jahat mereka. Kejadian yang telah berlaku di negara kita sebelum kejadian menggunakan undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri boleh dijadikan pengajaran kepada kita bahawa setiap undang-undang perlu dipinda, yang telah lama itu mesti diperbaharui, yang longgar mesti diperketatkan dengan tujuan mencegah dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, setengah orang asing pernah berkata bahawa suasana politik negara kita samalah seperti sebuah gunung berapi yang mana belerangnya sentiasa membakar untuk diluahkan, akan tetapi rakyat Malaysia sungguh bernasib baik kerana gunung berapi dengan labanya bernyala-nyala itu telah dapat dikawal atau dicontrol, dengan izin, oleh 13 ahli-ahli saintis kita, maksud saya 13 ahli-ahli saintis kita ialah gabungan daripada 13 buah parti dalam Barisan Nasional yang mewakili parti-parti Barisan Nasional supaya gunung berapi itu tidak boleh meluahkan labanya. Oleh itu sudah sampai masanya bagi kita mengambil tindakan yang tegas dan berkesan terhadap orang-orang yang mempunyai niat jahat itu.

Tuan Yang di-Pertua, gerak geri mereka di belakang tabir di tempat-tempat tertentu mestilah diawasi dan didedahkan oleh polis yang telah bekerja kuat siang malam, masyarakat boleh hidup aman damai. Ya, dengan kerja keras ataupun kerja kuat pihak polis saya ucapkan syabas dan tahniah kerana dengan tugas dan jasanya kita dapat hidup dengan aman dan damai. Orang-orang yang mempunyai niat baik dan bersih tidak pula khuatir tentang kuasa-kuasa polis di bawah Akta yang akan dipinda kerana kita yakin Polis Di-Raja mempunyai rekod yang cemerlang dalam bidang memberi perkhidmatan 24 jam bagi menjaga ketenteraman rakyat semua kaum.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap Akta Polis ini akan melalui beberapa pindaan lagi di masa-masa akan datang. Jika sekiranya peruntukan yang baru tidak memberi kesan kerana orang-orang yang mempunyai niat jahat sekarang ini bukanlah budak-budak kampung

sebaliknya mereka yang arif dengan undang-undang dan mempunyai hasrat tertentu mungkin mengambil kesempatan menyebarkan dakyah mereka untuk mendapat sokongan menerusi perjumpaan haram- di tempat-tempat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap pihak Polis akan dapat mengikut jejak mereka yang suka berkumpul lebih dari tiga orang di sana sini dan dapat memberkas mereka sebelum mereka berjaya memusnahkan keamanan yang kita sama-sama cintai.

Tuan Yang di-Pertua, dan satu lagi jangan lupa pula kepada pihak Akta ini hukuman yang dibuat juga hendaklah dikenakan kepada orang yang melindungi penjenayah-penjenayah tadi. Jadi jika kita dapat pihak orang-orang tertentu baik orang kecil atau besar, orang yang bernama, ternama dan sebagainya hendaklah dihukum dengan setimpalnya jika mereka ini memberi perlindungan kepada penjenayah ataupun pengkhianat-pengkhianat bangsa kita.

Itulah sahaja bagi menyambung ucapan saya semalam dan dengan itu saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Akta Polis 1967 diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho.

3.43 ptg.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 1987 sebaik sahaja saya dibebaskan dari tahanan
[Tepuk].

Sebelum ini saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi

perhatian berat terhadap saya selama saya dalam tahanan. Walaupun badan saya telah kurus beberapa paun akibat dari tempoh tahanan selama 47 hari, tetapi saya masih dalam keadaan kesihatan yang baik, apa lagi saya dapati saya telah menjadi semakin handsome, dengan izin. Inilah hasil dari layanan baik daripada pihak polis sehingga saya dapat dibebaskan.

Dalam konteks ini saya mesti mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato' Megat Junid selaku Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Di samping itu saya juga merakamkan pujian terhadap tindakan yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri kerana ia telah berjaya memulihkan semula keselamatan dan keamanan negara. Walau bagaimanapun, saya menggesa pembebasan segera dapat dilakukan terhadap tahanan lain yang didapati tidak mengancam keselamatan negara selepas siasatan teliti oleh pihak Polis.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, peristiwa yang pahit dan mencabar yang ditempuhi oleh saya selama 47 hari ini tetap memperkuat keazaman saya lagi untuk memperjuangkan matlamat politik Barisan Nasional berdasarkan semangat Barisan Nasional. Dengan demikian, dapatlah saya terus memberi sumbangan terhadap bangsa dan nusa yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penggubalan Rang Undang-undang Polis (Pindaan), apa yang saya minta ialah pihak Kementerian Dalam Negeri atau Polis memberi keterangan sejelas-jelas berkenaannya kepada pertubuhan sosial atau orang ramai supaya mereka dapat satu gambaran jelas mengenainya. Sebagaimana yang kita ketahui selepas penggubalan Rang Undang-undang Polis (Pindaan) tidak syak lagi lebih kuasa akan diberi kepada pihak Polis untuk mengambil tindakan terhadap sebarang perhimpunan atau tunjuk perasaan yang haram demi mengekalkan keselamatan dan keamanan negara. Akan tetapi saya berharap pihak Polis jangan sekali-kali menyalahgunakan kuasa tersebut. Saya juga berharap pembatalan permit untuk mengadakan perhimpunan oleh pertubuhan sosial atau parti-parti politik harus diringkaskan dan disegerakan seberapa cepat yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini kes rompakan-rompak-an semakin berluasa di kota. Biasanya perompak-perompak ini melakukan rompak-an dengan bersenjata pistol tertentu. Ini jelas menunjukkan terdapat berbagai senjata-pi dapat diperolehi oleh perompak-perompak. Keadaan ini telah mengancam dan membahayakan nyawa siapa-siapa yang kena rompak. Misalnya satu rompak-an telah berlaku di satu majlis perkahwinan di Kepong, Kuala Lumpur baru-baru ini yang telah menukarkan majlis meria itu kepada tragedi. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perkara ini seorang ahli keluarga telah ditembak mati oleh - empat orang perompak dengan bersenjatakan tiga pistol. Ini tidak patut berlaku. Oleh itu, saya berharap pihak Polis mengetatkan atau mengawasi kemasukan atau bekalan senjata-pi terutamanya di sempadan Malaysia/Thailand.

Tuan yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyatakan sokongan sepenuhnya terhadap penggubalan Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 1987 demi keselamatan dan keamanan negara kita. Sekianlah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

3.55 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama dengan rakan yang lain untuk membahaskan Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Polis (Pindaan) 1987. Sebelum saya meneruskan ucapan ini, saya menyokong penuh pindaan undang-undang ini dibuat mengikut Akta Polis (Pindaan) 1987 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampailah masa dan ketikanya undang-undang yang berjalan 20 tahun yang lalu dipinda semata-mata untuk memperelokkan, memperkemas dan menguatkan lagi peraturan ini kepada pihak Polis. Sepertimana yang telah tertera di Seksyen 27A

kuasa-kuasa lebih telah diberi kepada pihak Polis untuk menjalankan tugas ini adalah sesuai dan sangat tepat kerana dewasa ini keadaan rakyat khususnya yang anti-Kerajaan dan juga parti-parti Pembangkang sesuka hati mereka untuk membuat satu tindakan misalnya tunjuk perasaan, tidak puas hati menganjurkan tunjuk perasaan dengan tidak mendapat kebenaran pihak Polis. Sebagai contoh, baru-baru ini di Pontian parti Pembangkang DAP telah mengadakan tunjuk perasaan mombantah kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini wal hal tunjuk perasaan itu tidak dapat kebenaran Polis dan akhirnya Ketua Pembangkang telah ditahan.

Baru-baru ini juga suasana di negara ini diselubungi oleh perasaan cemas di Kuala Lumpur tetapi pihak Pembangkang PAS telah mengadakan ceramah rapat umum secara terbuka di sebuah Rancangan FELDA dan ini juga tidak ada kebenaran Polis. Apabila orang ramai mengadakan hal ini kepada Polis, Polis hanya datang berkawal dan tidak boleh metnbuat apa-apa tindakan adalah kerana undang-undang yang ada tidak membolehkan berbuat dernikian, dan ini menjadi tanda tanya pula kepada orang ramai kenapakah Polis tidak mengambil tindakan kerana mereka tidak tahu bahawa undang-undang yang ada itu tidak mencukupi untuk pihak Polis berbuat demikian.

Begitu juga dengan tangkapan Ketua Pembangkang dahulu yang kita tahu dia hanya didenda dan tidak melibatkan kedudukannya sebagai Ahli Parlimen. Tetapi pindaan undang-undang yang ada ini lengkap mengatakan denda antara \$2,000 hingga \$10,000 dan kalau yang dulu hanya penjara 6 bulan dan denda \$500, kalau tidak silap saya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kekurangan inilah maka lahirnya pindaan undang-undang ini sepertimana yang kita sedia maklum. Orang ramai memang memberi sokongan penuh kepada pihak Polis dan kalau ada kata-kata yang menyatakan bahawa negara ini telah menjadi negara Polis kerana adanya undang-undang ini, tetapi bagi rakyat saya kira mereka lebih memahami dan menyokong apa jua tindakan yang dibuat oleh Kerajaan.

Contohnya, baru-baru ini tindakan dibuat di bawah ISA kepada mereka-mereka yang berkenaan, rakyat memberi sokongan yang penuh dan percaya bahawa itulah satu cara untuk mengekalkan ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, kebolehan dan kecekapan pihak pasukan Polis ini bukanlah perkara baru bagi rakyat negara ini. Pada tahun 1948 negara telah menghadapi darurat yang begitu memuncak dan pasukan Polis terus menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Pasukan Polis telah dapat menghapuskan pejuang-pejuang komunis hingga negara diisytiharkan kawasan putih.

Pasukan Polis juga telah dapat mematahkan ancaman Barisan Bersatu Komunis di sekitar tahun 1960 hingga 1968, menghadapi Konfrantasi 1963 hingga 1966, menghadapi ancaman Komunis Kalimantan Utara dari tahun 1963 hingga 1974 dan keganasan Parti Komunis Malaya daripada tahun 1948 hinggalah masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kekuatan dan semangat perjuangan pasukan Polis, maka itu juga pasukan Polis mendapat pengiktirafan Di Raja yang dianugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 24hb Julai, 1958. Daripada peristiwa-peristiwa inilah rakyat terus memberi sokongan yang penuh kepada Polis untuk menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab untuk menjaga ketenteraman awam. Dan sudah seharusnya undang-undang yang digubal ini mendapat sokongan yang penuh dan setelah mendengar bahawa pengakuan daripada rakan kita sendiri daripada Ahli. Yang Berhormat yang baru sahaja dibebaskan daripada ISA telah memuji langkah Polis dan juga diri beliau sendiri sentiasa mendapat layanan yang baik.

Kita penuh percaya bahawa tindakan Kerajaan yang baru lalu itu adalah semata-mata untuk kebaikan negara dan juga diri setiap individu yang terlibat. Mudah-mudahan segala apa yang diharapkan akan menjadi kenyataan dan apa juga yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi adalah menjadi cita-cita semua rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada tugas-tugas anggota Polis, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa pasukan Polis kita telah berkhidmat begitu cemerlang dan kita sedia maklum di lengan kiri setiap uniform Polis tersemat satu lencana "Sedia Berkhidmat" yang melambangkan tangan berjabat salam.

Saya percaya dengan lambang inilah pendekatan antara pihak Polis dengan orang ramai sentiasa erat dan rakyat tidak ragu-ragu untuk memberi sokongan dan kerjasama kepada pihak Polis. Kalau semata-mata kita hendak mengharapkan pasukan Polis sahaja bendak menjaga keamanan ini saya rasa mustahil atas nisbah 450 orang rakyat negara ini dengan satu orang Polis kalau tidak dengan kerjasama setiap rakyat negara ini untuk membantu pasukan Polis ini.

Saya juga berharap kepada pihak Polis yang sentiasa berkhidmat itu akan terus menjalankan tanggungjawabnya. Saya inginlah menyentuh sedikit mengenai satu perkara. Baru-baru ini ada satu kejadian kemalangan jalanraya melibatkan salah seorang daripada rakan saya. Yang saya sedihkan apabila saya melawat ke rumah mayat, mayat ini tidak ditutup dengan kain yang sempurna sebagai mayat seorang Islam. Dan saya haraplah apabila ada berlaku hal-hal yang seumpama ini pihak Polis apabila didapati seseorang itu telah benar-benar sahnya meninggal dunia seharusnya ditutup dengan kain sebelum dinaikkan atas stretcher untuk dibawa ke hospital untuk dibedah siasat.

Saya juga mencadangkan Balai-balai Polis menyediakan kain yang sempurna untuk menutup mayat-mayat ini kalau berlaku satu-satu kejadian. Kerana sebagai orang Islam, rasa saya haif sangatlah mayat itu kalau kita lihat dengan keadaan seolah-olah terbiar dengan tidak diambil berat. Saya katakan demikian kerana anggota Polis yang terlibat itu juga adalah seorang Islam dan sedikit sebanyak saya difahamkan nilai-nilai Islam memang dipupuk kepada anggota Polis dan dari masa mereka direkrut lagi mereka patut diajar hal-hal berkenaan dengan Islam kecuali kalau yang bukan Islam.

Jadi saya harap sangatlah hal-hal ini supaya tidak berulang dan mendapat perhatian daripada pihak berkenaan. Kerana apabila berlaku kemalangan biasanya Polislah yang dihubungi oleh pihak yang berkenaan kerana selagi Polis tidak datang, orang ramai tidak berani hendak mengubah atau mengalih apa-apa juga benda yang ada di atas jalanraya itu.

Inilah harapan saya kerana ini saya sendiri melihat. Saya berasa begitu sedih. Bukan sahaja saya tumpukan kepada mayat Islam tetapi yang bukan Islam juga kerana ianya adalah merupakan mayat manusia yang kita harus ada peri kemanusiaan kepada jenazah itu.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada tanggungjawab di bawah pengawasan pihak Polis juga ialah aaggota-anggota RELA. Daerah Kota Tinggi merupakan daerah yang agak terbesar di negeri Johor dan mempunyai pantai yang panjang dan luas dan tenaga RELA adalah diperlukan sangat untruk membantu pihak-pihak Polis, bukan sahaja mereka membantu di dalam hal mencegah dadah di rancangan FELDA, tetapi juga membantu bersama-sama pihak Kastam dan Imigresen untuk mengawal penyeludupan dan juga pendatang-pendatang haram.

Pernah satu ketika pihak RELA ini berjaya rnenangkap satu sindiket penyeludupan bernilai berpuluh ribu ringgit di pantai Pengerang, Johor.

Apa yang saya harapkan ialah pertama tambahan senjatapi kepada anggota RELA diharap dapat perhatian daripada pihak Kementerian.

Yang keduanya ialah masalah pegawai-pegawai RELA yang bertugas bukan sahaja di Johor, malah di seluruh negara di mana mereka telah-pun merayu kepada Kerajaan supaya menambahkan elaun atau gaji mereka yang kalau mengikut kadar tugas dan tanggungjawab pegawai yang lain memanglah tidak setimpal.

Saya difahamkan memo rayuan telahpun dihantar kepada pihak yang berkenaan dan anggota ataupun pegawai RELA yang ada ini, bukanlah ramai sangat, tidak pun sampai 500 orang bagi seluruh negara. Jadi, kalau kedudukan pegawai, RELA, penyelia KEMAS, pegawai khas Jabatan Penerangan setimpal ganjaran dibayar kepada mereka kerana ketiga-tiga jawatan ini saya difahamkan adalah sebagai jawatan kontrak dengan jabatan yang berkenaan. Jadi, dapatlah anggota ataupun pihak pegawai ini bertugas lebih cemerlang lagi kerana selain daripada membantu pihak Polis, pegawai RELA ini juga memberi khidmat kepada masyarakat di dalam daerah jagaannya. Saya harap, Yang Berhormat Menteri dapatlah mengambil sedikit perhatian dalam hal yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah yang dapat saya sampaikan dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Habidah binti Jusoh.

4.13 ptg.

Puan Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama dengan rakan-rakan untuk mengambil bahagian di dalam menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Polis 1967 yang mana Akta ini bolehlah dinamakan Akta Polis (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini bererti pihak Kerajaan telah memberi kuasa-kuasa tambahan kepada pihak Polis di negara kita ini sebagaimana di dalam huraian Rang Undang-undang ini iaitu Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 26 Akta untuk memberi kuasa kepada mana-mana pegawai Polis mendirikan sekatan jalan. Pada masa sekarang hanya pegawai kanan Polis mempunyai kuasa tersebut. Ini bermakna kuasa sekatan jalan ini boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja daripada mana-mana pegawai Polis. Maka dengan lulusnya Rang Undang-undang ini diharapkan pihak Polis hendaklah menjalankan tugasnya dengan lebih berhati-hati dan segala tindakan hendaklah lebih berkesan lagi demi untuk mewujudkan sebuah negara yang aman,damai di dalam masyarakat yang berbilang kaum **ini**.

Menyentuh Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 27 Fasal 3(a) bertujuan meminda subseksyen (1) untuk memberi kuasa kepada mana-mana pegawai Polis yang berkebenaran untuk mengarahkan perjalanan, perhimpunan, perjumpaan atau perarakan di tempat-tempat awam. Pada masa sekarang hanya pegawai-pegawai kanan Polis sahaja yang boleh dibenarkan menjalankan kuasa itu.

Fasal 3 bertujuan memperkenalkan subseksyen baru (2A), (2B), (2C) dan (2D) mengandungi peruntukan-peruntukan tambahan yang berhubung dengan permohonan untuk mendapatkan lesen bagi mengadakan atau mengumpulkan apa-apa perhimpunan atau perjumpaan atau bagi membentuk satu perarakan di mana-mana tempat awam.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah ini yang mana kita dapati tugas-tugas Polis juga rasanya perlu disebut kerana Polis mengambil tindakan segera di dalam satu-satu peristiwa yang berlaku dalam negara kita baru-baru ini iaitu sebagaimana peristiwa yang berlaku kepada private Adam yang mengamuk di Lorong Haji Taib dekat Chow Kit sebagaimana yang telah disebut oleh banyak rakan-rakan di

dalam Dewan yang mulia ini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada pihak Keselamatan Dalam Negeri, kalaulah Polis tidak mengambil tindakan segera tempoh hari, besar kemungkinan peristiwa-peristiwa yang tidak diingini itu akan berlaku di dalam negara kita sepertimana peristiwa 13 Mei misalnya. Dan kalaulah negara menjadi huru-hara maka sudah tentulah kestabilan politik dan ekonomi negara akan tergugat dan sudah tentulah kita akan hidup di dalam keadaan menderita dan merana. Oleh itu, sekali lagi tahniah dan syabas diucapkan di atas kecekapan dan ketangkasan pihak Polis bertindak di dalam perkara tersebut.

Di dalam tindakan yang seumpama ini adalah wajar dan kena pada masa dan tempatnya. Dan diharapkan dengan pindaan Akta Polis ini, pihak Polis hendaklah sentiasa bersiap sedia dalam semua hal sesuai dengan lambangnya "Bersedia Berkhidmat" supaya perkara-perkara yang kecil tidak akan menjadi besar kerana kalau sudah menjadi besar baru hendak diambil tindakan, maka ini akan memudaratkan negara dan rakyat jelata dan akan menjadi kenangan pahit kepada kita semua sebagaimana peristiwa Memali misalnya.

Tuan Yang di-Pertua, segala tindakan pihak keselamatan di peringkat pusat patutlah disangung, maka demikian pula di peringkat negeri dan daerah. Di harapkan supaya pihak keselamatan dapat mengambil tindakan yang wajar tetapi apa yang menyedihkan kita, masyarakat di kampung sekarang ini ialah ada setengah-setengah pihak pegawai Polis tidak begitu memberi perhatian yang serius terhadap satu-satu kes seperti pencolekan ataupun anak-anak yang kehilangan sepertimana yang berlaku di bandar Kuala Lumpur, Kelang beberapa bulan yang lepas di mana ibubapa yang begitu bersungguh-sungguh mencari anak-anak mereka sehingga beberapa bulan dan terpaksa menjual harta

benda tetap di peringkat akhir barulah pihak Polis memberi pertolongan yang serius. Walau bagaimanapun, kita tetap menghargai jasa-jasa mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, demikian jugalah kurangnya perhatian pihak Polis sekiranya berlaku satu-satu kecurian yang berlaku di dalam masyarakat luar bandar, maksud saya yang sering kita dengar kadangkala tiga ataupun empat buah rumah sekaligus pada satu malam di dalam kampung-kampung yang berhampiran berlaku kecurian ataupun pecah rumah yang mana saya sendiri pernah mengalami peristiwa ini di dalam tahun 1985 dan kita semua telah membuat aduan kepada pihak Polis, tetapi tangkapannya tidak didapati. Maka sebab itulah orang-orang kampung ataupun penduduk-penduduk kampung menjadi jemu dan bosan untuk membuat aduan kerana seolah-olah tidak ada tindakan yang berkesan. Sebab itulah disyorkan di sini hendaklah pihak Polis mengambil berat di dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pegawai Polis adalah pegawai yang disegani dan ditakuti oleh masyarakat kampung, maka dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini juga diharapkan pihak Polis hendaklah sentiasa mewujudkan hubungan rapat dengan masyarakat umum dengan melibatkan diri di dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela JKK misalnya, PIBG dan sebagainya ataupun dengan mengadakan hari terbuka kepada orang ramai. Dengan ini rasanya orang ramai tidaklah memandang Polis sebagai satu masyarakat lain. Dan dengan penuh kesedaran ini, sudah pastilah hubungan antara orang ramai ataupun masyarakat dengan pihak pegawai Polis akan bertambah rapat dan kiranya ada apa-apa masalah, maka akan cepatlah mereka melaporkan kepada pihak Polis.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang difahamkan kepada saya, di kawasan Petaling Jaya ada satu program yang dijalankan oleh pihak Polis iaitu Khidmat Mesra, kalau tidak silap saya, di mana pihak Polis membuat rondaan dan cuba berhubung rapat dengan orang ramai. Khidmat yang seumpama ini adalah disokong dan disyorkan supaya dilakukan di semua negeri dan di daerah-daerah di samping itu disiplin hendaklah juga dijaga. Jangan pula diambil kesempatan di dalam mengadakan hubungan rapat dengan masyarakat ini, seperti satu dua kes yang berlaku dalam negara kita di dalam beberapa tahun yang lalu yang mana ada yang mengambil kesempatan untuk dirinya di samping menjalankan tugasnya.

Pihak keselamatan di dalam negeri juga hendaklah pertingkatkan lagi disiplin diri kerana kalau ada pegawai Polis yang melanggar tindakan disiplin, diharapkan hukumlah mereka tanpa ragu-ragu lagi dan janganlah pula oleh kerana terlalu ketat disiplin ini sehingga ada yang lari dari menjalankan tugas seperti apa yang telah kita baca di akhbar, Polis tangkap Polis, ataupun yang berlaku kepada peristiwa 500 orang yang lari dari Tentera Darat sebagaimana yang kita baca di akhbar pada 9hb Disember yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang perlu saya sebutkan juga di sini iaitu berhubung dengan tugas Polis iaitu seperti apa yang berlaku kepada beberapa buah mesjid iaitu yang berlaku di Pantai Timur di negeri Terengganu, mesjid ini dicerobohi oleh pihak parti lawan yang mana sejak kebelakangan ini ada beberapa buah mesjid yang hendak diperbaiki keadaannya, iaitu yang saya boleh tunjuk contoh di sini ialah satu di dalam kawasan Hulu Terengganu dan dua di dalam kawasan Marang, iaitu kawasan yang saya sendiri datang darinya, yang mana kelulusan tender untuk memperbaiki mesjid-

mesjid ini telahpun diluluskan oleh pihak yang berkenaan tetapi pihak parti lawan beramai-ramai datang untuk menghalang kerja-kerja pembinaan mesjid tersebut. Sehingga sekarang mesjid-mesjid itu sedang terbengkalai kerana pihak mereka beramai-ramai dan bermati-matian mengatakan sekiranya ada sesuatu pihak yang hendak meruntuhkan Rumah Allah, kita tetap berjuang dan berjihad sehabis-habisan. Inilah yang telah berlaku.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Dalam Peraturan Mesyuarat 12 iaitu cukup bilang bagi Majlis Mesyuarat mesti ada sekurang-kurangnya 10 orang Ahli, tetapi saya dapati telah kurang daripada 10 orang Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, ada 10 orang. Lain kali kira betul-betul. Sila sambung, Yang Berhormat.

Puan Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita sedang menghadapi pengangguran dan banyak siswa dan siswi kita yang menganggur, maka di sini disyorkan supaya pihak keselamatan dalam negeri meluaskan pengambilan anggota-anggotanya dari lepasan universiti supaya Polis-polis yang berpengalaman dan berpengetahuan tinggi akan meningkatkan prestasinya sesuai dengan kemajuan negara dan boleh mengurangkan masalah pengangguran.

Dengan ini saya pohon menyokong Rang Undang-undang ini supaya diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee.

4.25 ptg.

Tuan Lim Heng Tee: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju bahawa undang-undang baru perlu diperkenalkan ataupun undang-undang yang sedia ada harus dikemaskinikan atau dipinda untuk menyesuaikan dengan keadaan dan masa yang sedang berubah. Tetapi apa yang

penting yang harus diperhatikan ialah hasrat dan tujuan untuk pindaan tersebut. Ia mesti untuk mewujudkan satu masyarakat yang lebih teratur dan bertamadun dan bukan untuk memberi kuasa kepada pihak, yang memerintah supaya mengawal dan menghalang kebebasan rakyat dalam kegiatan harian.

Adalah perlu supaya pihak Polis diberi kuasa yang mencukupi untuk menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan. Tetapi pada masa yang sama, pengawasan juga diperlukan untuk memastikan bahawa kuasa terlampau tidak diberi kepada sesiapa yang mungkin salahgunakannya. Ada pegawai Polis yang baik dan ada yang tidak begitu baik dan tidak sesiapa pun yang boleh memastikan bahawa seorang daripada pegawai Polis itu tidak akan menyalahgunakan kuasa itu untuk kepentingan sendiri.

Kes-kes salahgunaan kuasa telah terdapat dalam kehidupan harian kita. Pihak berkuasa telah kerap kali mengingatkan rakyat bahawa Polis ialah sahabat mereka. Ini bermakna pihak Polis harus membantu dan bukan menghalang rakyat dalam kehidupan mereka. Oleh kerana ini tidaklah perlu supaya Polis mengawal rakyat terlalu rapat. Berasas kepada faktor ini, saya minta supaya kita berhati-hati oleh kerana kuasa terlampau akan membawa kesen buruk kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 27 subseksyen (5) menyebutkan bahawa adalah suatu kesalahan bukan sahaja mengambil bahagian dalam perhimpunan haram, seperti sekarang ini, tetapi juga menghadirinya atau didapati berada di sana. Ini adalah satu segi yang akan menimbulkan kesulitan oleh kerana banyak aktiviti tempatan seperti mesyuarat sebilangan organisasi tempatan. Contohnya Jawatankuasa Tokong ataupun Jawatankuasa Kebajikan Kampung dan lain-lain, biasanya diadakan di tempat-tempat seperti kedai-kedai kopi, balai raya

dan halaman sekolah dan seperti kita sedia maklum ramai penduduk kampung biasanya menunggu di tempat-tempat tersebut untuk menghabiskan masa ataupun berbual-bual dengan kawan mereka. Kalau ada orang yang mengadakan mesyuarat di kedai kopi atau balai raya ini tanpa permit Polis dan orang-orang lain pula berada di sana dan takdirnya seorang pegawai Polis datang dan menyuruh mereka itu bersurai, apakah akan terjadi? Perlukah mereka itu keluar bersurai? Apakah yang akan berlaku kalau ada orang yang tidak bersurai oleh kerana mereka belum habis minuman atau makanan mereka? Adakah ini satu perhimpunan haram dan juga liar? Adakah mereka yang berada dalam kedai kopi itu telah melakukan suatu kesalahan sungguhpun kehadiran mereka itu tidak ada kaitan dengan perhimpunan tersebut?

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, telah terdapat banyak kes di mana pihak polis telah menyalahgunakan kuasa mereka semasa membuat serbuan terhadap kegiatan berjudi di rumah-rumah, kedai kopi atau balairaya. Mereka bukan sahaja menangkap yang secara langsung terlibat dengan permainan judi tetapi juga mereka yang didapati di tempat tersebut bersama dengan semua duit yang terdapat di situ sungguhpun sebenarnya ramai daripada mereka tidak terlibat dengan judi.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen (5C) telah memperuntukkan bahawa setiap ahli badan pengurusan ataupun, dengan izin, governing body sesuatu organisasi **prima facie** bertanggungjawab atas kesalahan mengambil bahagian atau terlibat dalam mengatur, mengutip atau mengarahkan sesuatu perhimpunan, mesyuarat atau perarakan tanpa lesen. Dalam amalan ataupun, dengan izin, in practice, banyak keputusan dan tindakan diambil oleh pegawai utama organisasi itu sahaja seperti Pengerusi dan Setiausaha tanpa pengetahuan awal ahli-ahli lain, jawatankuasa atau badan pengurusan. Kadang kala ahli-ahli tidak bersetuju dengan keputusan dan tindakan ahli-ahli lain, tetapi mereka tidak dapat mencegah atau membantahnya. Apa boleh buat?

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, adalah pendapat saya bahawa bahagian undang-undang ini terlalu ketat dan tidak mengambil kira keadaan sebenar dalam masyarakat kita. Ini akan mendatangkan banyak kesulitan kepada rakyat dan tidak akan menggalakkan rakyat untuk mengambil bahagian secara aktif dalam kegiatan organisasi sosial.

Tuan Yang di-Pertua, penalti untuk kesalahan ini di bawah pindaan yang dicadangkan telah dinaikkan kepada satu denda tidak kurang daripada \$2,000 dan tidak lebih \$10,000 dan masa penjara tidak melebihi satu tahun. Mengapa satu denda minimum sebanyak \$2,000 ditentukan. Banyak daripada kesalahan tersebut mungkin tidak serius, ia hanya kesalahan kecil. Tetapi \$2,000 bukan satu jumlah yang kecil dan ramai orang tidak sanggup membayarnya. Ramai di antara mereka yang ditangkap di kedai kopi ataupun di balairaya akan mendapati sukar atau mustahil untuk membayar penalti tersebut. \$2,000 ialah satu jumlah yang sangat menarik oleh kerana kalau seorang Wakil Rakyat, Ahli Parlimen atau ADUN didapati bersalah dan didenda sebanyak \$2,000 minimum ia akan hilang tarafnya sebagai Wakil Rakyat. Adakah denda minimum sebanyak \$2,000 bertujuan menghapuskan taraf Wakil Rakyat? Kuasa bertindak mengikut pertimbangan atas penalti tersebut harus diputuskan oleh mahkamah supaya undang-undang ini boleh dikuatkuasakan secara adil, dengan flexibility, dengan izin, yang tertakluk kepada keadaan tiap-tiap kes.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 27 (8A) mengatakan bahawa Fasal 173A dan 294 Kanun Prosedur Jenayah yang membenarkan pesalah-pesalah dilepaskan dengan bersyarat atau tanpa syarat itu tidaklah terpakai bagi sesuatu kesalahan di bawah Seksyen 27 Akta ini. Di sini juga mengapa kuasa bertindak mengikut pertimbangan mahkamah itu tidak diberi? Tujuan undang-undang harus bertujuan mencegah dan bukan untuk menghukum.

Tuan Yang di-Pertua, dari semua segi saya tidak membantah tindakan Kerajaan untuk membuat pindaan tertentu kepada Akta Polis dengan tujuan memberikan lebih kuasa kepada pihak polis untuk

membolehkan mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan supaya dapat mengawasi keselamatan dan keamanan. Adalah penting supaya kuasa yang diberi itu tidak terlampau memandangkan bahawa ada kemungkinan ianya disalahgunakan.

Semasa polis mengawasi keselamatan dan keamanan, hak-hak asasi manusia, termasuk kebebasan untuk berhimpun dan bergerak selagi ianya tidak akan menjejaskan keselamatan dan keamanan negara harus dipertahankan dan dihormati. Satu imbalan harus dikekalkan supaya memastikan pemerintahan awam, dengan izin, *civilian rule*, dalam satu demokrasi yang benar dan bukan ada-apa yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata **ini**, saya mohon menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay.

4.37 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memohon izin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Polis 1967. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya memohon maaf kepada Dewan kerana kesilapan yang dibuat oleh saya dalam cukup bilangan mesyuarat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Polis 1967. Sebenarnya dengan pindaan ini akan menambahkan kuasa polis untuk mengawal keselamatan negara. Maklum balas yang saya dapati baru-baru ini iaitu masyarakat umum yang kurang faham tentang pindaan Akta Polis yang akan diluluskan sebentar nanti dan mereka khuatir pindaan ini akan berkemungkinan menyekat aktiviti badan-badan atau persatuan-persatuan yang bukan bercorak politik seperti badan-badan agama, badan-badan sukarela dan lain-lain.

Apa yang di khawatirkan ataupun yang kurang jelas di

dalam pindaan ini, iaitu dalam Fasal 4 di bawah Seksyen 27A berkenaan dengan kuasa untuk menghentikan aktiviti-aktiviti tertentu yang diadakan di tempat selain daripada di satu tempat awam. Definisi pada tempat selain daripada di satu tempat awam perlu diadakan penjelasan yang lebih jelas. Oleh itu saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan dapat membuat satu penjelasan yang lebih jelas kerana ada setengah-setengah pihak masyarakat umum keliru dan ragu-ragu tentang kelulusan ini, kemungkinan aktiviti mereka akan disekat. Oleh itu perlulah Kementerian Dalam Negeri membuat penjelasan yang sejelas-jelasnya kepada masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, kami yakin dan percaya kepada pihak polis, selama ini Pasukan Polis yang telah menjalankan tugas dengan adil dan saksama. Apa yang dapat dibuktikan ialah seorang bekas tahanan di bawah ISA yang ditahankan oleh Pasukan Polis iaitu saudara Senator Tan Chai Ho yang telah dilepaskan telah dibuktikan bahawa pihak polis telah menjalankan tugas dengan adil dan saksama, kepada sesiapa yang tidak bersalah akan dilepaskan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, di sini saya mengingatkan pihak polis apabila pindaan Akta Polis ini diluluskan bahawa tidak akan ada mana-mana pegawai polis yang menyelewengkan kuasanya yang telah diberi seperti peruntukan yang ada dalam Akta ini,

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap sama bahawa Akta ini akan dipinda untuk kepentingan mengawal keselamatan negara kita. Dalam hal berkenaan keselamatan negara, ia adalah tanggungjawab kepada tiap-tiap seorang rakyat dan semua lapisan masyarakat. Di dalam perhubungan Pasukan Polis dengan orang awam, saya berpendapat perhubungan Pasukan Polis dengan orang awam yang murni dan erat akan dapat membantu mengesan sesuatu siasatan. Oleh itu, aktiviti-aktiviti di antara pihak polis ataupun Pasukan Polis ataupun anggota-anggota polis dengan penduduk-penduduk setempat patut diperbanyakkan lagi.

Dalam hubungan ini, saya suka menyentuh berkenaan dengan keabaihan beberapa buah pondok-pondok polis yang mana pondok-pondok polis telah dibina dan diusahakan oleh pihak swasta dan penduduk-penduduk setempat dengan Pasukan Polis yang saya dapati bahawa ada beberapa buah pondok polis di negeri Melaka yang telah dibina bersama usaha dengan penduduk-penduduk setempat dan pihak-pihak

swasta dengan Pasukan Polis, pada hari ini telah tidak digunakan lagi oleh Pasukan Polis dan bangunan-bangunan pondok polis ini telah diabaikan sehingga telah digunakan sebagai pondok untuk bermain judi. Oleh itu, saya berharap pihak polis mengambil berat tentang perkara ini kerana yang melibatkan pembinaan pondok polis Ini adalah derma daripada orang awam dan sekiranya pondok-pondok polis ini tidak akan digunakan lagi oleh pihak polis, sepatutnya bangunan ini dirobohkan ataupun bangunan ini diubahsuaikan sebagai pusat perhubungan antara Pasukan Polis dengan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya di sini menyentuh sedikit berkenaan prestasi Pasukan Polis. Untuk meningkatkan prestasi Pasukan Polis, saya suka bercadang bahawa patut alat dan kelengkapan Pasukan Polis ditingkatkan lagi daripada semasa ke semasa. Saya sebut demikian kerana saya pernah menjadi seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka di mana balai polis yang ada di kawasan Tenggerah mesin taip pun telah uzur, yang tak boleh dipakai lagi dan juga masalah yang dihadapi baru-baru ini di dalam bandar Kota Melaka ini ialah berkenaan dengan perlumbaan motor-motor secara haram.

Apa yang saya simpati dengan Pasukan Polis ialah kuasa-kuasa motor yang diginnakan oleh penunggang motosikal untuk menjalankan perlumbaan haram itu lebih besar daripada motor yang digunakan oleh anggota-anggota polis. Oleh itu, untuk meningkatkan lagi prestasi Pasukan Polis haruslah alat kelengkapan Pasukan Polis ditingkatkan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, juga di sini saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan prestasi ataupun perkhidmatan Pasukan Kawalan Keselamatan swasta. Saya suka minta pihak Kementerian Dalam Negeri memperketatkan lagi perkhidmatan Pasukan Kawalan Keselamatan swasta

kerana kita semua dapati ada setengah-setengah syarikat-syarikat swasta ini menggunakan anggota-anggota yang uzur, yang cacat untuk menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan. Ini adalah satu perkara yang kurang sihat yang mana ia akan menjejaskan imej Kerajaan kita. Saya sebut demikian kerana ada pernah pekilang-pekilang yang sedang hendak membina dan menubuh kilang di Melaka ini apabila mereka menjemput ataupun menemui dengan syarikat yang berkenaan, mereka menghantar anggota kawalan keselamatan yang uzur. Jadi, saya minta Kementerian yang berkenaan memperketatkan lagi dalam hal ini.

Dengan itu, sekian sahaja dan saya sekali lagi menyokong pindaan Akta Polis 1967. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Azman Atar.

4.45 ptg.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun bersama-sama untuk membahas dan juga ingin memberi pandangan atau pun kata nasihat di dalam ucapan saya ini di atas meluluskan Akta Polis (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh dan memberi ucapan tahniah kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini semalam, mewakili Menteri Dalam Negeri. ini adalah merupakan satu Rang Undang-undang yang harus dan patut kita berikan pindaan untuk memberi lebih luas kuasa kepada Pasukan Polis di dalam menjalankan tugasnya di dalam negara kita yang datangnya daripada berbilang kaum.

Rakyat akan berbangga jika sekiranya Rang Undang-undang ini dapat dilaksanakan oleh Pasukan Polis dengan sebegitu baik. Rakyat tidak akan perlu takut, tidak perlu gentar antara satu sama lain dan pelaksanaan undang-undang ini jika berjalan dengan baik, tidak disalahgunakan oleh Pasukan Polis. Saya percaya hubungan mesra antara rakyat dengan polis begitu baik dan akan timbul satu perasaan tolong-menolong dan bantu-membantu. Bukan setakat rakyat Malaysia harus berbaagga, bahkan rakyat di luar negara lain juga akan turut sama-sama menghormati pentadbiran negara Malaysia, terutamanya kepada Pasukan Polis yang dapat menjalankan tugasnya dengan baik dengan dipandukan satu undang-undang yang dibuat oleh rakyat dan untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, cuma apa yang perlu saya nasihatkan setelah undang-undang ini diluluskan nanti dan diserahkan kepada Pasukan Polis untuk dilaksanakan, diminta supaya tidak ada penyalahgunaan kuasa dan tidak ada satu tindakan kezaliman, penganiayaan terhadap rakyat.

Kita akui selama ini Pasukan Polis adalah merupakan satu pasukan yang harus kita berikan kepujian, yang telah menjaga keamanan negara kita tetapi oleh kerana perbidalan Melayu mengatakan: Tegah dek nila setitik, rosak susu sebelanga dan juga kerana seekor kerbau membawa lumpur, habis semua terpalit. Kepada Pasukan Polis, anggota polis yang tidak tahu menjalankan tugas deiiigan sebaik-baik dan menyalahgunakan tugas ini maka mereka harus dikutuk kerana menyebabkan satu dua orang, memalukan Pasukan Polis.

Tuan Yang di-Pertua, ada di antara kawan kita berucap di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini menyentuh seolah-olah kita telah memberi satu kuasa kepada Pasukan Polis dan menganggap bahawa kuasa ini seolah-olah membunuh demokrasi yang ada di dalam negara kita ataupun membunuh hak asasi kemanusiaan di dalam negara kita.

Pada saya, saya tidak nampak perbuatan membunuh atau menghilangkan kuasa hak asasi manusia. Undang-undang ini dibentuk supaya dilaksanakan kepada mereka hanya yang berniat jahat, yang mempunyai perasaan buruk sangka, yang sentiasa menjadi hero, menjadi dalang, di antara satu-satu puak dan satu-satu kaum yang ingin melihat negara ini sentiasa huru-hara, yang ingin melihat negara ini sentiasa di dalam keadaan keluh-kesah, sentiasa rakyatnya di dalam ketakutan. Golongan-golongan inilah sahaja yang menganggap bahawa undang-undang ini yang memberi kuasa kepada Pasukan Polis merupakan satu undang-undang yang seolah-olah menghapuskan hak asasi manusia.

Ada juga yang menyentuh masalah mengapa denda begitu tinggi sangat sehingga \$2,000. Tidakkah kita faham ataupun teliti di sekeliling dan berbagai-bagai bentuk undang-undang yang telah kita luluskan, contohnya undang-undang mengenai pengedar dadah, sehingga dihukum ke tali gantung, masih ada juga orang yang tidak takut melanggar undang-undang, apatah lagi dengan denda \$2,000 ini.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, saya masing menganggap ini adalah satu denda yang paling kecil lagi kerana kebanyakan mereka yang sanggup melakukan perbuatan yang menyalahgunakan kuasa dan melanggar undang-undang ini adalah mereka yang berkemampuan, yang menganggap bahawa mereka boleh membeli sesiapa sahaja. Maka saya berharap, walaupun niat mereka dan tujuan mereka boleh membeli kepada sesiapa juga orang yang berkuasa, tetapi dengan terlaksananya undang-undang ini, saya berharap Pasukan Polis akan menjalankan tugasnya dengan sebaik-baiknya. Kalau kebiasaannya atau dari dahulunya ada mempunyai satu kuasa yang dinamakan kuasa budi-bicara, kuasa peri kemanusiaan, saya bagi contoh, kalau sekiranya Polis terjumpa satu kesalahan yang mana seorang pemandu kereta sudah masuk 'double line'

maka pemandu kereta itu ditahan dan cepat-cepat pemandu kereta itu meminta maaf, maka atas belas kasihan dan perasaan peri kemanusiaan dan kuasa budi-bicara yang ada dalam tangannya, polis telah melepaskan pemandu itu begitu sahaja. Kuasa budi-bicara inilah yang menjadikannya merbahaya kepada negara kita. Kerana dalam kuasa budi-bicara ini boleh kita mentafsirkan berbagai-bagai lagi, boleh disodok, disogok, boleh dirasuah dan juga perkara-perkara yang lain.

Maka saya harap tiap-tiap anggota Polis, setelah undang-undang ini diluluskan, apabila sampai kepada peringkat kuasa budi-bicara ini, sampai kepada perkara yang boleh memudaratkan keselamatan negara, keselamatan seluruh rakyat yang berjuta-juta manusia di dalam negara **ini**, maka ketika itu sebalahkan kuasa budi-bicara, sebalahkan kuasa peri kemanusiaan kita, dan kita lebih pentingkan daripada melepaskan seorang daripada terancamnya jutaan manusia, jika sekiranya kita melepaskan satu-satu perhimpunan atau perarakan yang dianggap boleh mendatangkan mudarat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan Pasukan Polis kembali kepada menggunakan kata-kata hikmatnya dan kadang-kala terdapat ada juga pasukan Polis takut bertindak kerana segan, hormat dan sebagainya. Pasukan Polis harus pegang kepada hakikat katakata hikmat sebagai seorang anggota Polis, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa orang putih, suspect everybody and crust nobody. Kalau Pasukan Polis itu dapat menggunakan kata-kata hikmat **ini**, saya percaya negara kita akan mempunyai satu undang-undang yang akan disegani dan akan dihormati oleh seluruh rakyat dan Pasukan Polis akan dapat menjalankan tugasnya dengan begitu tenang dan begitu seronok apabila menyarung uniform keluar bertugas. Tidak

perlu bimbang kritik daripada orang ramai, orang preman, tidak perlu takut petisyen daripada orang ramai, kalau kita menjalankan tugas dengan baik, dengan benar dan dengan berpandu kepada apa jua tugas yang kita lakukan itu adalah kerana Allah, bukan kerana kepentingan individu ataupun kepentingan seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berbangga, kalau pada semalam kita telah meluluskan satu Raug Undang-undang yang juga memberi manfaat, faedah kepada rakyat jelata di atas mengawal kebebasan akhbar-akhbar dan mesin cetak, pada hari ini kita akan meluluskan satu undang-undang memberi kuasa kepada Polis. Saya berharap Polis akan dapat menjalankan tugasnya dengan sebaik-baik dan satu lagi nasihat yang harus saya bagi kepada Pasukan Polis iaitu bukan hanya kita hendak menegah dan menahan ataupun bertindak kepada sesuatu perhimpunan yang selalu diadakan di dalam dewan atau di padang, tetapi juga harus sentiasa simpan di dalam pemikiran masing-masing, mungkin kadang-kala mereka ini tidak dapat buat di dewan atau di padang, tetapi diselitkan di sesuatu keramaian.

Umpamanya macam majlis hari jadi, hari kenduri kahwin, maklumlah kalau sudah dia kata 'ini susah hendak minta permit', 'itu susah hendak minta permit', kadang-kala bila ada hari kenduri kahwin, selepas memberi jamuan makan kepada orang ramai, orang-orang jemputan, maka dipanggil seorang berucap, orang itu menghentam kepada Kerajaan atau menghentam kepada mana-mana pihak. Ini juga harus diambil kira kerana manusia di dalam negara kita ini sudah banyak yang cerdik-cerdik. Tetapi cerdik-cerdik mereka ini kadang-kala bukan boleh mendatangkan kebaikan, cerdik-cerdik mereka ini kebanyakan boleh menimbulkan satu pengaruh yang boleh melaga-lagakan orang dan mendatangkan keadaan yang tidak begitu selesa hidup kita di dalam negara yang berbilang kaum **ini**.

Maka itu sebabnya, pada semalam, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan apa jua bentuk Rang Undang-undang, disegenap lapisan Kementerian dan segenap lapisan jabatan-jabatan yang akan dipergunakan untuk pentadbiran negara kita dikaji semula di mana perenggan-perenggan yang tidak begitu kuat, yang masih lemah lagi harus diperkuatkan, harus dipinda, supaya ia merupakan satu undang-undang untuk kegunaan kita bersama di masa-masa akan datang. Untuk generasi kita akan datang, supaya ketika itu generasi kita yang akan datang akan megah, berbangga, terutamanya anak-cucu kita, supaya Ahli-ahli Dewan Negara yang meluluskan Rang Undang-undang ini mereka akan memuji. Hari ini menjadi hari sejarah kepada kita menambah kuasa polis di dalam bertindak sesuatu dan kita akan dipuji bahawa dengan ada kebijaksanaan sebelum kita meluluskan Rangundang-undang ini kita diberi peluang membahaskan, bukan mengkritik, bukan menyindir, bahkan kita menyokong Kerajaan di dalam membuat pindaan undang-undang.

Di samping itu kita menegur dan menasihati Pasukan Polis supaya jangan menyalahgunakan kuasa ini dan jangan bertindak aniaya dan menzalimi mana-mana manusia kerana Allah s.w.t. tidak akan meredai kepada sesiapa jua hambaNya yang menganiaya dan menzalimi atau menyalahgunakan kuasa menyakiti kepada hamba-hamba yang lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, maka saya sekali lagi berbesar hati dan berbangga dan menyokong penuh kepada Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan iaitu kita ada 12 lagi Rang Undang-undang yang akan dibentangkan dalam Persidangan Dewan yang mulia ini dan masa untuk kita membahar ke atas Rang Undang-undang tersebut hanya tinggal 4 hari lagi mulai daripada hari ini. Ini bermakna kita dijangka supaya dapat menghabiskan tiga Rang Undang-undang bagi tiap-tiap satu hari. Oleh hal yang demikian maka saya dengan hormatnya memohon kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya dapat menjimatkan masa apabila memberi ucapan dalam perbahasan nanti.

Satu cara yang agak baik supaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dapat berpeluang untuk berucap dan juga dapat menjimatkan masa ialah jikalau boleh jangan sentuh perkara-perkara yang sudah disentuh oleh Yang Berhormat rakan-rakan yang lain, yang sudah berucap dan juga jangan menyentuh perkara-perkara yang tidak ada sama sekali berkaitan dengan tajuk asal Rang Undang-undang yang dibahas. Saya dapati ini pernah berlaku kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap berpandukan dengan nota-nota yang ada di hadapannya, diharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberi perhatian dalam hal ini.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan.

5.02 ptg.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah sudi memberi pandangan, teguran,

nasihat bersabit dengan Pindaan Akta ini.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormt yang telah bercakap tentang tidak ambil berat, berat sebelah, cuai, menyalahguna kuasa dan sebagainya, tetapi dalam keadaan Pindaan Akta ini bila Yang Berhormat-Yang **Ber**hormat bercakap, saya tunggu dan dengar, tetapi bila saya berucap, orang yang bercakap sudah tidak ada dalam Dewan **ini**. Saya tidak tahu inikah juga disebut cuai dan berat sebelah? **[Tepuk]**

Dari ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator, pihak saya sungguh terharu kerana hampir semua Yang Berhormat-Yang Berhormat menyokong penuh akan Pindaan ini di samping memberi pula penerangan-penerangan yang jelas dan nyata akan perlunya Pindaan Akta ini dilaksanakan, kecuali tiga orang sahaja Senator yang masih ragu-ragu lagi akan keikhlasan pihak Kerajaan untuk memastikan negara ini menjadi sebuah negara yang aman, damai dan selesa didiami.

Saya akan mencuba seberapa daya untuk menjawab -atas perkara-perkara yang dibawa dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator. Bagaimanapun jika ada perkara-perkara yang tidak dapat saya sentuh kerana perkara-perkara itu terkeluar daripada Pindaan Akta ini seperti bercakap fasal RELA, keselamatan awam, Balai Polis dan sebagainya. Walau bagaimanapun jikalau sekiranya tidak dapat saya sentuh, saya mohon maaf, namun begitu pihak saya akan mengambil ingatan dan perhatian untuk meninggikan lagi prestasi pihak Polis.

Beberapa orang Senator telah bangun bercakap dan ini termasuklah Yang Berhormat Senator Puan Valli Muthusamy, Yang Berhormat Senator Tuan Chan Choong **Tak**, Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin, Yang Berhormat Senator Tuan K. Krishnan, Yang Berhormat Senator Tuan Hassan bin Nam, Yang Berhormat Senator Tuan

Paramjit Singh, Yang Berhormat Senator Tuan Lau Keng Siong, Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said, Yang Berhormat Senator Tuan Tan Chai Ho (yang selamat kembali ke pangkuan rakyat), Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Senator Puan Habidah binti Jusoh, Yang Berhormat Senator Tuan Lim Heng Tee, Yang Berhormat Senator Tuan Ng Peng Hay dan yang terakhir sekali sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Azman Atar bin Othman, yang telah banyak memberi penjelasan-penjelasan terhadap pentingnya Pindaan Akta ini dan memberi sokongan yang kuat terhadap Pindaan Akta ini.

Dalam ucapan-ucapan tersebut, ada perkara-perkara yang perlu saya terang dan jelaskan.

Ada pihak yang membangkitkan soal Seksyen 3(a) dan Seksyen 26 yang memberi kuasa kepada mana-mana Pegawai Polis, kerana ini akan diawasi dengan teliti dan berhati-hati, hanya jika tidak ada Pegawai Kanan sahaja, barulah pegawai-pegawai biasa mengambil tindakan. Apa yang penting ialah tindakan segera dapat dilakukan sebelum satu-satu perkara buruk yang berlaku.

Ada pihak yang membangkitkan Fasal 4 iaitu Seksyen 27A, 27B dan 27C di mana pindaan ini tidak menyebut; dengan tepat apa bentuk perjumpaan itu seperti majlis perkahwinan, majlis agama, Walkaton, mesyuarat biasa atau sebagainya.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa pindaan ini sengaja tidak bertujuan untuk menyenaraikan rupa bentuk perarakan, perhimpunan, perjumpaan tersebut.

Dalam sejarah yang ditemphi oleh kita, ada pihak-pihak yang menggunakan majlis agama atau majlis perkahwinan untuk tujuan-tujuan lain seperti yang telah diperkatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Azman Atar tadi seperti mengadakan syarahan yang

berapi-api sehingga mewujudkan perasaan kurang senang pada hadirin dan boleh menjejaskan ketenteraman awam atau mungkin acara walkaton atau jogaton di mana adalah acara sukan yang baik, tetapi jika selepas acara-acara ini peserta berkumpul beramai-ramai dan ada pula membuat ucapan atau angkara yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara, tentulah satu-satu tindakan harus diambil. Di sinilah Pegawai Polis yang berdekatan harus bertindak cepat untuk menyuraikan walaupun di kawasan-kawasan persendirian.

Yang Berhormat Senator Tuan Ng Peng Hay bertanya tadi dan minta supaya definisi ini terang. Saya ingat Pindaan Akta ini sudah terang, kalau tempat awam, kena minta permit. Kalau tempat persendirian, tidak payah dipohon permit, tetapi kalau didapati perjumpaan atau perkumpulan itu menjejaskan keselamatan negara, Polis berhak untuk masuk dan menyuraikan - itu sahaja, tidak ada apa definisi yang harus kita hendak kupas lagi.

Berkenaan dengan bentuk dan corak Pasukan Polis kita hari ini, pihak Kerajaan berpendapat bahawa susunan yang sedia ada adalah sudah cukup kemas dan bersesuaian dengan kehendak negara pada masa ini. Ini termasuklah susunan pangkat-pangkat yang ada juga cara-cara pangkat-pangkat tersebut diberi dan dilaksanakan.

Tentang kelulusan pula memang ada kelulusan minima, tetapi tidak ada ketegahan bagi sesiapa sahaja yang mempunyai kelulusan yang lebih baik dan tinggi untuk memohon. Dalam keadaan seperti ini tentulah yang berkelulusan yang baik dan tinggi akan terpilih.

Yang Berhormat Senator Puan Valli Muthusamy telah bercakap tentang kelulusan ini. Saya hairan sedikit pada Yang Berhormat yang memohon supaya kelulusan bagi anggota Polis dinaikkan atau dipertingkatkan, tetapi di samping itu minta dikecualikan pula

kelulusan Bahasa Malaysia bagi satu-satu kaum.

Saya sungguh kurang faham akan pendirian Yang Berhormat tersebut, sekejap hendak kelulusan tinggi, dan sekejap mohon kelulusan yang rendah pula.

Mengenai kurangnya kaum India menganggotai Pasukan Polis, sukacita saya maklumkan bahawa kaum India jika dibandingkan dengan peratus penduduk negara ini peratusan kaum India dalam Polis adalah memuaskan iaitu 5.1% atau 3,654 orang di mana 384 orang adalah Pegawai-pegawai Kanan. Dalam hal ini, sukacita saya maklumkan tidak timbul pilih kasih dalam pemilihan memasuki anggota Polis. Apa yang menjadi masalah ialah setiap kali diadakan temuduga terlalu kurang sangat kaum-kaum lain selain daripada orang Melayu yang memohon dan yang datang untuk ditemuduga terutama bagi anggota-anggota pegawai rendah.

Tentang sikap setengah-setengah Pegawai Polis yang cuai, tidak cekap, tidak adil, makan duit dan sebagainya, harap Yang Berhormat sudi untuk membuat laporan yang tepat agar tindakan disiplin atau tindakan mahkamah dapat dibuat terhadap pegawai-pegawai tersebut.

Ada Yang Berhormat yang merasa sangsi kononnya Kerajaan akan memilih bulu bila bertindak.

Saya ingin memberi jaminan bahawa Akta ini akan menangkap sesiapa sahaja yang bersalah walau apa kaum, apa agama sekalipun dan tidak kira kecil besar, bilis atau jerung, akan diambil tindakan dengan adil dan saksama. [Tepuk] Ini terbukti dengan pelaksanaan Undang-undang ISA juga OSA, hanya yang terbukti salah yang ditahan dan disiasat, maka yang tidak bersalah akan dibebaskan.

Yang Berhormat ini juga telah menyoal bahawa nampaknya hendak berkumpul dewan kawan-kawan dua-tiga orang untuk berbincang dan makan-makan pun kena ambil permit.

Bukan, jelas dalam Fasal 4 bahawa berlaku perjumpaan, perhimpunan, perarakan yang melebihi 20 orang dan yang menjejaskan keselamatan awam dan negara barulah polis bertindak. Perlu diingatkan sekali lagi kepada Yang Berhormat yang berkenaan bahawa tiada niat lain bagi Kerajaan - ini termasuklah Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee tadi - tiada niat lain bagi Kerajaan tetapi semata-mata untuk menentukan bahawa kepentingan orang ramai dan kepentingan keselamatan negara adalah terjamin. Tidak timbul hendak menyekat kebebasan rakyat, tidak timbul untuk membunuh demokrasi tetapi semata-mata untuk menjamin keselamatan negara dan juga keselamatan rakyat.

Kerajaan meminda Akta ini bukan dibuat dengan sewenang-wenang atau sesuka hati. Peristiwa-peristiwa sebelumnya telah terbukti bahawa ada golongan yang tidak bertanggungjawab telah mengambil kesempatan dari sikap liberal Kerajaan seperti Peristiwa berdarah di Memali yang telah mengorbankan nyawa 19 orang. Kedua, ada yang sanggup mengadakan tunjuk perasaan di tol-tol sehingga mengganggu lalu-lintas. Ada pula golongan yang sanggup mengadakan tunjuk perasaan di luar pintu institusi pengajian tinggi dan mengapi~apikan penuntut-penuntut yang masih muda yang berdarah panas hingga terkeluar pekikan dan jeritan yang boleh mencetuskan pergaduhan kaum, Ada yang sanggup mengadakan perjumpaan-perjumpaan khas untuk membincangkan soal remeh-temeh seperti soal perlantikan Guru Besar, azan di masjid dan surau, songkok dan baca doa yang mana menimbulkan perasaan marah kepada kaum lain. Ini semua menegangkan suasana hingga terjadinya tunjuk perasaan Pemuda UMNO pada 17hb Oktober, 1987. Kalau tidak kerana ketegasan pucuk pimpinan dan pihak Polis tentu

sekali sejarah hitam 13 Mei berulang kembali. Tentang mengapa dalam pindaan denda dan hukuman dillpatgandakan, ini dibuat kerana mahu supaya sesiapa yang melakukan kesalahan benar-benar bertanggungjawab dan sedia untuk menghadapi apa-jua risiko.

Ada pula Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyarankan bahawa pindaan ini bertentangan dengan sistem demokrasi dan Perlembagaan negara. Perlu saya nyatakan bahawa mengikut Fasal 10(2)(b) Perlembagaan negara, Parlimen boleh menggubal undang-undang untuk menyekat hak untuk mengadakan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan jika sekatan itu didapati perlu demi kepentingan keselamatan awam dan negara. Sistem demokrasi akan lebih bermakna jika rakyatnya bebas melakukan sesuatu mengikut lunas-lunas undang-undang yang dibentuk oleh Parlimen di mana ahli-ahlinya dipilih oleh rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kali yang kedua saya membentangkan Rang Undang-undang (Pindaan) yang Kerajaan tidak dapat berbangga dengannya. Sepatutnya bukan sahaja Kerajaan tetapi juga rakyat keseluruhannya tidak boleh berbangga dengan pindaan undang-undang ini. Sebabnya saya berkata demikian ialah kerana ia membuktikan bahawa terdapat dalam masyarakat kita individu-individu dan kumpulan-kumpulan yang belum dewasa politik mereka, yang tidak tahu mengawal diri sendiri, yang tidak menghargai sikap Liberal Kerajaan. Orang yang sudah dewasa akan tahu mengawal diri tanpa dikawal oleh undang-undang yang ketat, mereka tidak akan berbuat sesuatu yang mereka tahu boleh membawa keburukan kepada masyarakat, mereka bertanggungjawab dan tidak akan membuat apa-apa yang boleh menjejaskan kestabilan dan pembangunan negara. Malangnya golongan ini sentiasa

mencari 'loopholes', dalam undang-undang supaya mereka boleh melakukan sesuatu yang tidak baik tanpa Kerajaan dapat membuat apa-apa kerana mereka melalui undang-undang. Oleh kerana denda yang dikenakan adalah rendah umpamanya, mereka sanggup melanggar undang-undang dan membayar denda dengan tidak merasa malu sedikit pun. Bahawa tindakan mereka memburukkan keadaan politik dan ekonomi negara tidak sedikit pun menghalang mereka dan yang penting bagi mereka ialah parti mereka dan politik parti mereka.

Jika negara Malaysia mendapat gambaran sebagai sebuah negara yang tidak tenang dan tidak menarik kepada para pelabur, ini sangat disukai oleh mereka ini, biarlah rakyat menderita kerana tidak ada peluang kerja asalkan mereka boleh mendakwa bahawa Malaysia tidak demokratik, tidak stabil dan tidak dapat menarik para pelabur. Mereka berharap dengan cara ini mereka dapat memburukkan imej Kerajaan untuk kepentingan parti politik mereka. Mereka inilah yang sering menceritakan kepada orang-orang asing kononnya keadaan di Malaysia sangat buruk. Mereka berbohong mengenai keadaan di Malaysia untuk mendapat simpati kepada perjuangan parti mereka. Bahawa ini menjejaskan pembangunan negara dan rakyat Malaysia tidak menjadi masalah kepada mereka.

Jika dikatakan mereka tidak setia, mereka amat marah tetapi apa lagi yang hendak dipanggil kepada mereka ini. Mereka tahu jika mereka dapat memaksa Kerajaan bertindak keras ke atas mereka, tindakan Kerajaan ini juga boleh dijadikan isu politik. Oleh itu mereka sengaja mempermainkan undang-undang yang ada untuk memaksa Kerajaan mengadakan undang-undang yang lebih keras, kemudian mereka mengecam Kerajaan dan menyoal mengapa membuat undang-undang yang begitu

keras. Mereka akan berkata Kerajaan tidak demokratik walhal mereka-lah yang sengaja menjolok Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menghadapi dilema dalam perkara ini. Jika undang-undang tidak diperkukuhkan mereka ini akan membuat bermacam-macam untuk mencetuskan huru-hara dan kecegangan dalam negara kita. Jika Kerajaan mengukuhkan undang-undang, Kerajaan akan dikecam dengan berbagai tohmahan dan tuduhan, Kerajaan akan dituduh tidak liberal. Tetapi Kerajaan ini tidak akan lari daripada tanggungjawabnya, biar apa jua tohmahan dan fitnah yang dilemparkan terhadapnya, Kerajaan akan terus menjalankan tugasnya dan bersikap bertanggungjawab. **[Tepuk]**

Kepada individu-individu yang tidak menghargai sikap liberal. Kerajaan, kita tidak perlu liberal. Bersikap liberal kepada individu-individu ini samalah seperti memberi bunga kepada kera, kecantikan bunga tidak menawan hati kera dan ia biasanya mengoyak-ngoyakkan bunga itu. **[Tepuk]**

Inilah sebabnya pindaan undang-undang ini dibuat kepada Akta Polis. Ia bertujuan menentukan tindakan Polis lebih cepat dalam menjaga ketenteraman dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini satu kawalan yang lebih berkesan dapat diwujudkan untuk mengawasi perhimpunan, perjumpaan dan perarakan. Dengan kawalan ini adalah diharapkan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan yang diadakan pada masa-masa hadapan akan berjalan dengan lebih bertanggungjawab dan mengikut batasan-batasan yang wajar demi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang

saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang Di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.19ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Jualan 1972 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan buat kali yang kedua sekarang. Pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang dibuat dalam Ucapan Belanjawan 1988.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara yang penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini. Bab I Rang Undang-undang ini adalah mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja. Bab II adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 4 bertujuan untuk menggantikan takrif '-Malaysia' dengan takrif baru yang lebih luas selaras dengan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984. Fasal 5 bertujuan meminda Seksyen 3A Akta Cukai Pendapatan 1967 di mana mulai tahun taksiran 1988, syarikat-syarikat di Malaysia tidak lagi tertakluk kepada cukai keuntungan berlebihan sebanyak 3%,

Fasal 7 bertujuan meminda Seksyen 7(1)(b) bagi melayakkan seseorang individu itu dianggap dia sebagai bermastautin di Malaysia. Fasal 8(a) pula bertujuan meminda Seksyen 45(4) bagi membolehkan isteri-isteri membuat pilihan supaya pendapatan mereka ditaksirkan secara berasingan dari suami mereka walaupun selepas sesuatu tahun taksiran itu.

Fasal 9 adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 60 Akta untuk menambahkan satu lagi potongan yang dibolehkan kepada syarikat insuran nyawa. Potongan tambahan ini adalah bersamaan dengan 2% daripada baki akaun hasil bagi sesuatu tahun tetapi tidak-melebihi jumlah komisen yang dibayar. Fasal 10 bertujuan meminda Seksyen 82 Akta untuk membetulkan rujukan takrif 'accountant', dengan izin, dalam Seksyen 82(5).

Tuan Yang di-Pertua, Pasal- 11 bertujuan untuk meminda Seksyen 83 Akta Cukai Pendatan 1967 bagi melanjutkan tempoh majikan dikehendaki menahan apa-apa pembayaran kepada pekerja yang hendak berhenti kerja atau meninggalkan Malaysia dari 30 hari yang ada sekarang kepada 90 hari. Fasal 12 bertujuan untuk meminda Seksyen 107(4) iaitu berhubung dengan tanggungan seseorang majikan yang gagal mematuhi Seksyen 83. Seseorang majikan yang gagal mematuhi Seksyen 83 akan bertanggungjawab untuk menjelaskan apa-apa cukai yang kena dibayar oleh pekerja berkenaan.

Fasal 13 memperkenalkan seksyen baru 107B iaitu berhubung dengan skim bayaran ansuran cukai yang diwajibkan ke atas syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga sendiri. Amaun ansuran dan ~~msa~~ bayaran akan ditentukan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Bab III iaitu Fasal 17 hingga 19 adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan di buat kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Fasal 18 bertujuan membetulkan rujukan takrif 'akauntan' dalam Seksyen 2(1) Akta tersebut. Satu seksyen baru iaitu Seksyen 2(4), fasal ini juga memperkenalkan yang mana pecahmilik tanah milikan bersama tidak akan dikenakan cukai keuntungan harta tanah. Sehubungan dengan ini, Fasal 19(b) dan (c) bertujuan meminda perenggan 15B dan 19 Jadual 2 kepada Akta untuk memasukkan peruntukan menentukan tarikh dan harga perolehan tanah yang menjadi hak kepada seseorang akibat pecah milik jika tanah demikian dilupuskan.

Di bawah perenggan 12 Jadual 2 kepada Akta menyatakan bahawa pelupusan sesuatu aset akan tertakluk kepada cukai keuntungan harta tanah. Walau bagaimanapun, pelupusan dalam bentuk pemberian yang dibuat di antara suami dan isteri, bapa dan anak atau datuk atau nenek dengan cucu adalah terkecuali daripada cukai keuntungan harta tanah jika pemberiannya membuat pilihan bahawa pelupusan yang dilakukan itu tidak menerima apa-apa keuntungan atau menanggung apa-apa kerugian. Fasal 19(a) bertujuan menggantikan perenggan yang ada dengan perenggan baru di mana syarat untuk membuat pilihan ini dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IV Rang Undang-undang mengandungi pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984. Di bawah Seksyen 4A Akta ini, sesebuah syarikat yang membuat pemindahan syer bagi tujuan meorganisasi, pembentukan semula ataupun penyatuan dan syarikat dilikuidasikan selaras dengan dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal dalam perindustrian akan dikecualikan dalam cukai pemindahan syer. Fasal 21 bertujuan untuk meminda Seksyen 4A Akta bagi memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri untuk menarik balik apa-apa kelulusan bagi pindahmilik atau pelupusan syer sekiranya didapati pindahmilik atau pelupusan itu tidak tulin.

Bab V Rang Undang-undang adalah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Fasal 23 bertujuan meminda takrif 'Malaysia' dalam Seksyen 2 Akta.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang sistem cukai jualan di negara ini adalah sistem cukai seperingkat (single stage tax). Ini bermakna cukai akan dikenakan sama ada ke atas bahan-bahan atau input, dengan izin, ataupun atas barang-barang siap (output). Walau bagaimanapun, didapati bahawa konsep cukai jualan sebagai cukai

seperingkat tidak terpakai untuk barang-barang yang telah dikecualikan daripada cukai jualan dan barang-barang yang dikilang oleh orang-orang yang dikecualikan daripada pelesenan. Ini adalah kerana kedua-dua kategori pengilang barang-barang ini dibenarkan membeli bahan-bahan mentah dan komponen mereka bebas dari cukai jualan walaupun barang-barang yang dikeluarkan oleh mereka adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan. Dengan ini pengilang-pengilang tidak langsung membayar apa-apa cukai jualan dan ini tidak selaras dengan konsep cukai jualan sebagai cukai seperingkat (single stage tax), dengan izin.

Fasal 25 dan 26 adalah bertujuan memotong subseksyen (2) Seksyen 13 dan proviso kepada Seksyen 14 Akta Cukai Jualan 1972 supaya pengilang-pengilang yang mengeluarkan barang-barang yang dikecualikan daripada cukai jualan dan orang-orang yang dikecualikan daripada pelesenan tidak dibenarkan mendapat 'inputs', dengan izin, iaitu inputs mereka bebas dari cukai jualan. Ini adalah sejajar dengan konsep cukai jualan sebagai cukai seperingkat yang hendaklah dikenakan ke atas bahan-bahan mentah atau barang-barang siap.

Pindaan-pindaan lain adalah merupakan pindaan-pindaan kecil yang dibuat untuk melengkapkan Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Pemandahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984, Akta Petroleum (Cukai

Pendapatan) 1967, Akta Cukai Jualan 1972, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, dipersilakan. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King dahulu.

5.28 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk turut berucap dan membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 1987. Saya hendak mengucapkan sokongan ke atas Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyentuh Fasal 5 Bab 2 dalam Rang Undang-undang Kewangan 1987 yang berkenaan dengan Cukai Untung Berlebihan. Dengan pindaan ini bermula dari tahun taksiran 1988 syarikat-syarikat tidak lagi akan tertakluk kepada 3% Cukai Untung Berlebihan. Sukacitalah Kerajaan pun telah sedar bahawa kadar cukai syarikat yang dikenakan di Malaysia adalah sangat tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara di rantau ini dan beberapa negara maju. Oleh yang demikian, Kerajaan sedang mengadakan kajian semula ke atas struktur cukai syarikat untuk menggalakkan kegiatan ekonomi.

Sebagai langkah pertama, cukai keuntungan berlebihan syarikat sebanyak 3% dihapuskan. Usaha Kerajaan ini patutlah diberi sanjungan dan pujian.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya masih berpendapat bahawa langkah ini masih kurang memadai untuk menggalakkan kegiatan ekonomi di berbagai bidang bagi memesatkan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Kerajaan harus berusaha bagi memperbaiki suasana pelaburan dengan memberi layanan sama kepada pelabur-pelabur dalam negeri dan asing. Selain daripada itu kadar cukai syarikat boleh diturunkan lagi beransur-ansur sehingga ianya setanding dengan negara-negara di rantau ini.

Sepertimana kita ketahui pada masa ini syarikat-syarikat di Malaysia kebanyakan memulai operasi atau menjalankan perniagaan dengan modal sederhana. Keuntungannya pun tidak seberapa. Hanya sejumlah kecil syarikat yang dapat memperolehi keuntungan melebihi \$2 juta. Maka yang mendapat faedah dari penggantian Seksyen 3A Akta Cukai Pendapatan 1967 ialah syarikat-syarikat terbesar itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya langkah-langkah yang saya cadangkan tadi kalau diambil bersama-sama peruntukkan dan persediaan galakan-galakan lainnya akan boleh menggalakkan lebih pelaburan baru dari sektor swasta baik asing mahupun dalam negeri. Dengan demikian, pemulihan dan pertumbuhan ekonomi akan dapat dipesatkan.

Kedudukan ekonomi negara akan menambah kukuh, rakyat segenap lapisan dapat faedah dan nikmatnya dari pertumbuhan dan perkembangan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, kedua; saya hendak menyentuh Bab VI Rang Undang-undang ini mengenai pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972. Kita tahu cukai jualan adalah diperkenalkan dan dikuatkuasakan di tahun 1972 sebagai salah satu sumber hasil negara. Dengan perkembangan dan kemajuan sektor perkilangan tentulah asas percukai-an akan diperluas dan cukai tidak langsung akan mungkin menjadi satu sumber hasil utama bagi Kerajaan kelak.

Dengan membuat pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972, Kerajaan sedang memperluaskan skop cukai jualan dengan mengenakan semula cukai ini ke atas beberapa jenis barang makanan, bahan-bahan binaan serta barang-barang separuh siap, Dengan itu, Kerajaan juga berhasrat memperketatkan lagi pentadbiran cukai jualan dengan menghadkan kemudahan mendapat bahan-bahan mentah dan komponen bebas dari cukai kepada pengilang-pengilang yang mengeluarkan barang-barang yang tertakluk kepada cukai jualan sahaja. Itu memang selaras dengan konsep cukai jualan sebagai cukai seperingkat di mana cukai hanya dikenakan ke atas bahan-bahan mentah atau barang-barang siap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perubahan-perubahan ini nampaknya Kerajaan sedang berusaha menuju ke arah menjadikan cukai tidak langsung satu sumber hasil utama bagi Kerajaan. Walau bagaimanapun, saya khuatir dengan pengenaan semula cukai itu ke atas barang-barang tersebut pengguna-pengguna boleh dijangka pada keseluruhannya akan membayar lebih untuk barang makanan, bahan-bahan binaan serta barang-barang separuh siap meskipun barang-barang itu bukan

merupakan barang keperluan pokok harian sama juga sektor pelancongan dan pembinaan rumah, perniagaan-perniagaan, restoran, hotel dan lain-lainnya yang sedikit sebanyak terjejas. Maka saya berharap Kerajaan menimbang akan kesan-kesannya yang boleh dibawa dengan penguatkuasaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian pendapat saya. Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Kewangan 1987. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

5.34 ptg.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan 1987. Di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi pendapat saya mengenai beberapa perkara tersebut.

Pertama, penghapusan cukai keuntungan berlebihan 3% (excess profit tax] dan pertambahan elaun pelaburan semula atau reinvestment allowance dari 25% ke 40% serta tempohnya dilanjutkan sehingga 1990. Kerajaan haruslah memberi insentif yang lebih menggalakkan kepada industri-industri ringan dan kecil tempatan memandangkan industri-industri seumpama ini turut memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan ekonomi negara. Penghapusan cukai tersebut mungkin tidak begitu praktikal dan realistik kerana pada keadaan kemelesetan ekonomi ini cuma segelintir syarikat sahaja yang dapat mencapai keuntungan melebihi \$2 juta.

Walau bagaimanapun, kedua-dua langkah tersebut merupakan langkah permulaan yang^j baik ke arah menjadikan negara kita sebuah negara yang mempunyai daya penarikan pelaburan yang lebih di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, kedua; bayaran ansuran cukai pendapatan yang wajib bagi syarikat-syarikat perniagaan (compulsory tax) installment for companies and businesses). Pada masa ini syarikat perniagaan dan perdagangan dibenarkan menjelaskan cukainya secara bulanan dari Januari ke September dengan syarat mendapat kebenaran dari Jabatan Hasil Dalam Negeri terlebih dahulu.

Sebagai langkah untuk mengurangkan masalah hutang, menyeragamkan cara pungutan cukai di kalangan pembayar dan membantu Kerajaan mengatasi masalah pengaliran wang [cash flow problem], kaedah ini diperkenalkan adalah tepat pada masanya; Akati tetapi banyak syarikat-syarikat piagaan kini sedang menghadapi masalah kewangan yang serius dan dijangka mungkin akan terus berada dalam keadaan lembab untuk beberapa tahun ini.

Oleh itu sebagai permulaannya Kerajaan haruslah bersikap flexible dan liberal sewaktu melaksanakannya.

Ketiga, cukai jualan 5% hingga 10%. Beberapa jenis barang termasuk bahan-bahan binaan, makanan dan setengah jenis barang separuh proses yang dulunya dibebaskan daripada cukai kini dikenakan cukai 5% hingga 10% semula. Saya bimbang langkah ini mungkin mengakibatkan tindak-balas berantai [chain reaction] dalam jangka masa panjang dan menjadikannya sebagai salah satu alasan bagi restoran-restoran menaikkan harganya yang akhirnya akan membebankan pengguna-pengguna.

Misalnya jika setiap jenis bahan keperluan dalam perumahan dikenakan cukai 5% kesatnya keseluruhannya mungkin mengakibatkan harga sebuah rumah meningkat antara 10% hingga 12%. Oleh itu demi menjaga pasaran tempatan menggalakkan pengguna-pengguna menggunakan barangan tempatan dan pada masa yang sama melindungi para pengguna adalah lebih sesuai bagi Kerajaan mengenakan cukai jualan ke atas barang-barang import yang mana boleh didapati di negara kita.

Tetapi mengurangkan lagi atau menghapuskan cukai tersebut bagi barangan import yang kini masih belum boleh didapati di tempatan.

Kesimpulannya demi mengatasi masalah pengangguran, kelembapan ekonomi negara serta menggalakkan peluang-peluang pelaburan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif ke arah mencapai cita-cita dan aspirasi negara. Yang penting sekali, kita berharap sektor-sektor swasta haruslah memainkan peranannya dengan lebih aktif dan bekerjasama dengan Kerajaan bersama-sama menuju ke matlamat tersebut.

Sekian ucapan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang Kewangan 1987.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Jika tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.42 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya bera-sa syukur kerana hanya dua orang Yang Berhormat sahaja yang bercakap hari ini berkenaan dengan Rang Undang-undang ini yang agak teknikal sedikit. Walau bagaimanapun, saya akan cuba menjawab setakat mana yang saya mampu dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Law lelah bercakap berkenaan dengan cukai yang dihapuskan kepada syarikat-syarikat ia-itu surtax dalam bahasa Inggeris ataupun excess profit tax ataupun cukai keuntungan berlebihan 3%. Untuk makluman Yang Berhormat Puan Law dan juga Tuan Tiong yang telah bercakap dengan cukai yang serupa, saya ingin menyatakan di sini bahawa penghapusan excess profit tax ataupun cukai keuntungan berlebihan ini adalah pada peringkat

ini sebagai peringkat pertama atau peringkat awalan untuk kita menentukan bahawa sekurang-kurangnya syarikat-syarikat yang ingin melabur di negara kita ini setanding tentang bayaran cukai mereka kepada Kerajaan.

Peringkat pertama ialah kita menghapuskan sebanyak 3% corporate tax dan kemungkinan besar kita akan menyemak semula corporate tax ataupun cukai berlebihan syarikat ini pada masa akan datang terutama pada Belanjawan yang akan datang. Kalau sekiranya kita sekaligus menghapuskan cukai-cukai tersebut iaitu cukai-cukai yang dikenakan kepada syarikat-syarikat, kemungkinan besar Kerajaan akan kehilangan satu pendapatan yang boleh dikatakan beaer juga dan kita tidak mampu membuat sesuatu dalam keadaan yang lebih ketara pada masa ini. Oleh kerana itu, saya meminta supaya peringkat awal ini menjadi sebagai petunjuk kepada peringkat yang akan datang dan diharapkan syarikat-syarikat di Malaysia ataupun syarikat-syarikat luar negeri akan terus menanam modal di sini kerana walaupun dikatakan cukai syarikat ini ataupun corporate tax ini tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara yang berdekatan ataupun negara-negara yang di sebelah selatan dan utara negara Malaysia, saya ingin menyatakan di sini dengan tegas bahawa selain daripada cukai yang telahpun dihapuskan, terdapat juga insentif-insentif lain yang terdapat di dalam Industrial Coordination Act, dengan izin, di mana telah dinyatakan beberapa insentif yang banyak yang terdapat dalam Akta tersebut. Jika sekiranya penanam-penanam modal membaca Akta tersebut, mereka akan merasa bahawa jika dibandingkan dengan negara-negara yang berdekatan dan jika disatukan penghapusan cukai ini dengan insentif-insentif yang ada, kebanyakan daripada syarikat-syarikat: akan merasa lega bahawa mereka mungkin akan membayar lebih kurang daripada cukai-cukai yang

dibayar oleh syarikat-syarikat itu di negara-negara yang berdekatan dengan negara kita. Jika sekiranya ada sebarang masalah berkenaan perkara tersebut, saya memberi jaminan bahawa syarikat-syarikat tersebut boleh datang terus kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat keterangan ataupun kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mendapat maklumat-maklumat lanjut.

Mengenai perkara yang keduanya iaitu Akta Cukai Jualan, ingin saya tegaskan sekali lagi walaupun beberapa kali sudah pun saya nyatakan bahawa cukai jualan 5% yang dikenakan hanya dikenakan kepada barang-barangan yang diimport. Jika sekiranya kita hendak makan makanan-makanan yang diimport maka perlulah kita membayar cukai tersebut. Ini adalah untuk menggalakkan supaya kita menggunakan barang-barang tempatan. Jika sekiranya kita sudah biasa sangat memakan barang-barang yang diimport maka tidaklah begitu keberatan kalau sekiranya kita hanya membayar cukai jualan sebanyak 5%. Sebagai contoh, kita boleh ambil kira kalau sekiranya kita terpaksa membayar 5% cukai yang dikenakan, katalah harga itu \$10 dan kita kena bayar 5%, jadi kita hanya membayar 50 sen lebih sahaja. Jadi, barang itu tidak patut dinaikkan lebih daripada 50 sen jika harga asas barang itu ialah \$10.00. Jadi, sekali lagi kita telahpun menyatakan dan saya ingin memberi amaran kepada syarikat-syarikat terutama restoran-restoran yang menggunakan barang-barang yang diimport daripada luar negeri terutamanya makanan-makanan yang exotic, minta maaf, maka mereka tidak patut sekali-kali menaikkan harga barang-barang mereka itu ataupun harga jualan melebihi daripada yang telahpun dibenarkan oleh Kerajaan.

Memang benar bahawa cara kita meletakkan cukai jualan ini adalah kita mengenakan cukai ini secara tidak langsung tetapi mengikut kadar inflasi yang ada pada hari ini di Malaysia hanya 1.42%, iaitu jika dibandingkan dengan negara-negara Eropah lebih dari 2%, ataupun negara-negara Afrika Selatan yang kadang-kadang lebih daripada 300%, maka cukai tidak langsung ini kemungkinan pada anggaran kita tidak akan menjadi satu penggerak kepada kenaikan inflasi. Bermakna di sini kita sudah membuat kajian dan kemungkinan bahawa barang-barang asas yang akan dikenakan cukai itu tidak dinaikkan harganya adalah lebih rendah, minta maaf saya minta izin untruk bercakap dalam bahasa Inggeris sedikit, the chances of the prices being charged higher than the normal prices would be lower. Oleh kerana itu maka kita berharap supaya kadar inflasi akan sentiasa terletak pada tahap yang rendah. Dan kalau sekiranya berlaku sesuatu yang luar dugaan, Kerajaan sentiasa akan sensitif kepada isu-isu dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Berkenaan dengan perkara-perkara lain berkenaan compulsory tax payment by instalments, dengan izin, ini adalah satu perkara yang baik untuk syarikat, bukan sebaliknya. Ini adalah untuk menunjukkan kepada syarikat-syarikat supaya mereka menentukan sebahagian daripada keuntungan ataupun sebahagian pendapatan syarikat itu mesti diletakkan sebelah untuk pembayaran cukai dan lagipun kita telahpun menyatakan dengan jelas bahawa syarikat-syarikat ini hanya akan memula cukai tersebut secara instalment pada tahun 1989 iaitu kita telah memberi mereka masa untuk membuat sebarang adjustment, dengan izin, untuk mereka menentukan supaya mereka tidak menghadapi masalah cashflow, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang dibangkitkan ini adalah isu-isu yang sudahpun saya jawab di Dewan Rakyat dan juga di mass media dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.52ptg.**

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 dibaca kali yang kedua sekarang.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada tahun lalu ekoran daripada pengeluaran wang yang banyak di beberapa Koperasi Pengambil Deposit (KPD), Kerajaan telah membekukan aset 24 KPD bagi menjaga kepentingan pendeposit-pendeposit. Bank Negara Malaysia yang kemudiannya menjalankan penyiasatan lanjut ke atas 24 KPD itu dengan bantuan firma-firma perakaunan yang dilantik, mendapati mereka mengalami masalah kewangan yang amat teruk. Keadaan yang berlaku itu telah memaksa Bank Negara Malaysia merancang skim-skim untuk menyelamatkan KPD-KPD itu kerana ia dipercayai boleh menjejaskan kestabilan kewangan dan kepercayaan orang ramai ke atas sistem kewangan negara sekiranya tindakan-tindakan perlu tidak diambil segera.

Hasil daripada usaha-usaha yang telah dijalankan, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 12 KPD telahpun mencapai persetujuan untuk membayar balik sepenuhnya simpanan pendeposit-pendeposit secara tunai. Bagi 12 KPD yang masih belum mencapai penyelesaian, Kerajaan telahpun

memutuskan bahawa pendeposit-pendeposit akan menerima 50% daripada simpanan mereka dalam bentuk wang tunai tidak lewat daripada 1990 dan bakinya dalam bentuk ekuiti dalam sesebuah syarikat kewangan berlesen.

Skim penyelamat ini memerlukan Bank Negara Malaysia mengambilalih sesebuah syarikat kewangan yang tenat dan seterusnya menggunakan sebagai alat penyelamat untuk mengambilalih aset dan tanggungan deposit 12 KPD tersebut. Manakala pendeposit-pendeposit yang terlibat dalam K.PD-KPD akan diberi syer-syer dalam syarikat kewangan berkenaan.

Oleh kerana perundangan yang ada sekarang tidak memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk merailiki ekuiti sesebuah institusi kewangan berlesen dan menggunakannya sebagai alat penyelamat, dengan mengambilalih aset-aset dan tanggungan-tanggungan deposit 12 KPD berkenaan, maka pindaan yang sewajarnya perlu dibuat kepada Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 Rang Undang-undang berkenaan mencadangkan pindaan kepada Seksyen 31A Ordinan Bank Negara Malaysia. Pindaan ini adalah perlu berikutan dengan cadangan untuk mewujudkan dua seksyen baru iaitu Seksyen 31B dan Seksyen 31C. Seksyen baru 31B memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia sama ada membeli secara tetus syer sesebuah syarikat kewangan berlesen atau membuat pendahuluan wang kepada sesebuah syarikat kewangan berlesen untuk membolehkannya memperolehi harta dan tanggungan pengambil deposit

dan harta pendeposit-pendeposit dalam pengambil deposit ataupun membuat pendahuluan kepada sesebuah bank untuk membolehkannya mengambil sesebuah syarikat kewangan yang berlesen yang seterusnya akan memperolehi harta dan tanggungan pengambil deposit dan harta pendeposit-pendeposit dalam pengambil deposit tersebut. Sebagai balasan, pendeposit-pendeposit yang terlibat akan diberi syer dalam syarikat kewangan yang berkenaan.

Dengan adanya peruntukan ini, Bank Negara mempunyai kuasa untuk melaksanakan sesuatu skim iaitu sesuatu skim penyelamat sekiranya mana-mana pengambil deposit menghadapi masalah kewangan yang teruk yang mungkin menjejaskan kestabilan sistem kewangan negara sekiranya masalah tersebut tidak diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, kesempatan juga diambil melalui Rang Undang-undang ini untuk menambah satu lagi peruntukan baru iaitu Seksyen 31C dalam Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958. Seksyen baru 31C adalah bertujuan memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia memohon kepada Mahkamah, iaitu Mahkamah Tinggi, untuk mengurangkan modal berbayar sesebuah bank atau syarikat kewangan berlesen yang diperbadankan di Persekutuan di mana modal institusi tersebut telah pun lupus atau tidak lagi disokong oleh aset yang ada. Ini akan mengelakkan pemegang-pemegang syer yang tidak bertanggungjawab daripada terus kekal dan mendapat faedah daripada pemegang ekuiti mereka selepas sesebuah Institusi kewangan yang berkenaan diselamatkan oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di negara-negara lain seperti Britain dan Thailand, pihak berkuasa kewangan diberi kuasa untuk mengurangkan modal syer institusi-institusi kewangan yang di bawah pengawasan raereka tanpa memerlukan persetujuan terlebih dahulu daripada institusi kewangan berkenaan demi kepentingan umum.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, salah satu daripada peranan utama Bank Negara Malaysia ialah untuk menjamin kestabilan dan mewujudkan satu sistem kewangan negara yang kukuh. Masalah KPD baru-baru ini sekiranya tidak diselesaikan akan menimbulkan kegelisahan di kalangan orang ramai yang akan rnenjejaskan kestabilan sistetn kewangan negara.

Untuk membolehkan Bank Negara Malaysia memainkan peranan yang tersebut di atas dengan berkesan, ianya wajar diberi kuasa yang perlu dan fungsi-fungsi tambahan seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini yang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin.

6.00 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk bersama-sama menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar tadi Timbalan Menteri menerangkan dengan begitu terperinci dan begitu jelas mengapa dan kenapa undang-undang ini perlu dibawa ke Dewan ini dan perlu mendapat sokongan kerana beliau juga menyebut beberapa perkara yang khusus untuk memberikan satu gambaran dan untuk memelihara mengenai pengwujudan sistem kewangan yang kukuh bagi negara Malaysia.

Kita faham kenapa Kerajaan telah meminda undang-undang yang lamanya pada tahun 1958 dan kemudian pada tahun 1987, pindaan-pindaan telah dikemukakan kerana beberapa kejadian-kejadian yang nampaknya seolah-olah sudah begitu menular dan meluas berlaku di negara kita ini iaitu mengenai penyelewengan, penipuan secara terhormat berlindung di sebalik koperasi-koperasi kewangan ataupun institusi- institusi kewangan yang berlesen.

Kita telah dapati banyak kejadian-kejadian penipuan begini dan rakyat ramai yang kurang arif mengenai peraturan-peraturan kewangan dan bank, umpamanya seperti saya sendiri tidak begitu mahir tentang selok belok kewangan dan penipuan halus yang dicelah-celah dari ke-longgaran undang-undang kita yang ada telah tertipu dan telah menjadi mangsa. Kita amat terkejut apabila Bank Negara membuat kajian dan siasatan didapati begitu banyak KPD-KPD yang telah terlibat dalam masalah penipuan secara terhormat ini. Dengan penuh hormat kepada Dewan, terlibat sama orang-orang kenamaan, orang bijak

pandai, orang-orang yang mahir dalam hal-hal kewangan dan yang paling mengejutkan kita betapa satu peristiwa besar mengenai KPD-KPD baru-baru ini berlaku di kalangan MCA di mana Kerajaan dan Bank Negara telah dilibat-libatkan dan nyaris-nyaris merupakan satu eksploitasi kepada kemampuan Kerajaan mengendalikan institusi kewangan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 3 iaitu untuk memasukkan dua seksyen baru di Rang Undang-undang ini - Seksyen 31B dan 31C. Saya bacakan sedikit mengenainya:-

"Seksyen baru 31B akan memberi kuasa kepada Bank untuk melaksanakan satu skim penyelamatan..."

Penyelamat, Tuan Yang di-Pertua.

"...sekiranya pengambil deposit mungkin tidak dapat menunaikan obligasi-obligasinya atau hampir hendak menggantung pembayaran dan adalah perlu bagi skim tersebut dilaksanakan supaya mengukuhkan atau menjamin kestabilan kewangan Persekutuan dan pelindung kepada pendeposit-pendeposit".

Sekarang kita tahu banyak sudah menjadi mangsa. Kita berasa syukur, dengan adanya pindaan ini nanti mudahlah pihak Bank Negara untuk membuat sesuatu skim, melaksanakan skira-skim yang sepatutnya bagi melindungi hak-hak rakyat yang terlibat dalam KPD-KPD atau institusi-institusi kewangan berlesen lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru 31C pula memberi kuasa kepada Bank memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mengurangkan amaun modal syer sesuatu bank atau sesuatu syarikat kewangan berlesen yang mana modal institusi itu telah hilang atau tidak dilambangkan dengan aset-aset yang ada. Ini akan menghalang pemegang-pemegang syer yang berkelakuan curang daripada memengangsikan dan mendapat faedah

daripada pertaruhan ekuiti selepas bank atau syarikat kewangan itu telah diselamatkan oleh Bank.

Syabas, syukur, memang kita tahu Kerajaan kita Kerajaan yang berjiwa rakyat melindungi hak-hak asasi rakyat. Kalau tidak kerana undang-undang ini, mereka yang sudah jadi penipu-penipu terhormat ini pun masih boleh berleluasa memegang syer-syer yang ada atau mengambil tempat di institusi yang berkenaan tanpa sedikit pun menghiraukan pengorbanan atau perkara yang telah dibuatnya memangsakan orang-orang yang ingin menambahkan pendapatan mereka melalui penyimpanan wang di koperasi-koperasi yang mereka yakini. Dengan adanya Akta ini, Malaysia akan dikenali oleh dunia luar sebagai negara yang benar-benar dapat melindungi segala hak-hak rakyatnya dan segala peraturan koperasi atau institusi kewangannya. Sebelumnya, kita telah mendengar negeri-negeri luar juga mula mencurigai dengan peranan Bank Negara itu sendiri dalam melindungi hak-hak di mana berlakunya beberapa penipuan-penipuan seperti yang diterangkan oleh Timbalan Menteri dan seperti yang kita maklum. Isu-isu panas dibangkitkan di luar dan dalam negeri yang telah menjejaskan juga imej Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap semoga dengan undang-undang ini Bank Negara akan lebih berani bertindak, akan lebih banyak mengambil siasatan kepada koperasi-koperasi atau institusi kewangan berlesen lainnya yang mungkin juga tidak dalam pengetahuan bank atau Kerajaan sedang melakukan sesuatu yang sama dengan yang pernah dilakukan oleh lain-lain KPD-KPD yang telah menjejaskan pengukuhan kewangan negara kita ini dan telah memangsakan beribu-ribu rakyat yang ingin menyimpan wang untuk hari depan mereka atau ingin mencari sedikit keuntungan bagi penambahan perekonomian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah itu saya menyokong penuh akan Rang Undang-undang ini dengan harapan ianya akan dapat dilaksanakan dengan tegas dan meninggalkan kekesanan yang baik.

Saya menyokong satu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.

Timbalan Yang di-Pertua: Persilakan Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon.

6.07 ptg.

Dato' Tan Peng Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menunjukkan sokongan saya yang penuh sekali terhadap Rang Undang-undang **ini**.

Bagaimana kita sedia maklum, Rang Undang-undang ini digubal semata-mata untuk bagaimana yang telah dibacakan oleh rakan saya sebentar tadi, melaksanakan satu skim penyelamatan, di samping itu memberi perlindungan kepada pendeposit-pendeposit. Tujuan dan maksud ini memanglah amat kita hargai dan tidak ada sesiapa pun di dalam Dewan yang mulia ini yang tidak memberi sokongan.

Peristiwa yang telah berlaku itu telah memberi satu pengalaman kepada kita semua dan bagi pihak Kerajaan yang telah mengambil langkah yang tegas, yang positif untuk menyelamatkan segala deposit-deposit itu dan memberi perlindungan kepada pendeposit-pendeposit yang terdiri daripada golongan yang miskin. Pendeposit-pendeposit yang saya tahu yang terlibat dalam KPD-KPD yang telah mengalami peristiwa itu adalah terdiri daripada golongan yang miskin dan mereka yang dengan izin, dalam bahasa Inggeris, innocent depositors yang tidak tahu apa-apa hal, cuma tahu hendak menyimpan duit dalam KPD itu dengan tujuan dan harapan supaya dapat sedikit sebanyak faedah bagi memperbanyakkan kewangan mereka. Mereka seumpama ini patutlah diberi perlindungan.

Bagi pihak Kerajaan yang telah mengambil langkah ini, saya ucapkan syabas dan juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka, khasnya Bank Negara yang telah dapat mencari jalan dan ikhtiar bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pendeposit-pendeposit yang saya katakan sebentar tadi.

Izinkan saya merayu di dalam Dewan yang mulia ini supaya cara-cara untuk melaksanakan perkara ini. Sebagaimana yang kita telah dengar daripada Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu terhadap ke aemua 24 KPD, 12 dapat membayar balik dengan secara penuh kepada pendeposit-pendeposit dalam bentuk wang tunai, di mana pendeposit dalam KPD yang kedua belas itu akan dapat dibayar dengan skim ini dengan kadar 50% di dalam tunai dan yang bakinya di dalam ekuiti atau syer-syer di dalam itu. Tetapi kalau tak silap saya, mengikut apa yang saya dapat ikuti daripada huraian Yang Berhormat Timbalan Menteri, pembayaran 50% dalam wang tunai ini akan dilaksanakan tidak lewat daripada tahun 1990, Saya berharap supaya 50% wang tunai ini akan dapat dibayar kepada mereka dengan secepat mungkin sekiranya boleh.

Saya minta maaf, saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua, kerana setahu saya pendeposit-pendeposit yang terlibat dalam KPD ini semua adalah datangnya daripada keturunan orang Tionghua dan sebelum Tahun Baru Cina yang akan datang saya berharap supaya mereka akan dapat dibayar 50% wang tunai ini dan yang bakinya akan diberi dalam cara syer.

Saya juga merayu kepada pihak yang berkuasa, pihak yang berke-
naan supaya syer-syer yang diberi kepada mereka yang terlibat dalam
semua KPD ini, oleh sebuah syarikat kewangan yang akan ditubuhkan
itu - saya tidak tahu di bawah apa nama, tetapi satu syarikat, satu
institusi kewangan yang berlesen, maknanya satu finance company,
dan saya berharap supaya syer-syer ini akan dapat dipasarkan dalam
pasaran syer supaya mereka yang benar-benar memerlukan kegunaan wang
itu dapat menukarkan syer itu kepada wang tunai. Yang saya ingin
merayu di sini supaya perkara ini dapat dilaksanakan dengan secepat
mungkin kerana perkara ini telah lama berlaku dan mereka sehingga
hari ini masih menunggu-nunggu satu cara yang dapat menyelamatkan
wang mereka.

Saya tidak berhajat untuk berucap dengan lebih lanjut dan saya
sudahikan perbincangan ini dengan sekali lagi memberi sokongan yang
penuh terhadap Raug Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi? Sila Yang Berhormat Tuan
Hassan Nam.

4.45 ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk
mengambil bahagian membahas dan menyokong satu Akta untuk meminda
Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 dan Akta ini bolehlah dinamakan
Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1987.

Memandangkan pindaan ini dalam anggapan saya adalah untuk mem-
perkuat dan memperkukuhkan lagi langkah-langkah keselamatan dan bagi
melindungi serta menjamin kepada penyimpan-penyimpan pendeposit-pen-
deposit, orang ramai yang ada membuat deposit di bank-bank dan sya-
rikat-syarikat kewangan di negeri ini. Maka saya mengalu-alukan
Rang Undang-undang ini untuk dibawa dan diluluskan sebagai langkah
memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia bagi melaksanakan

satu skim penyelamat sekiranya pengambil deposit mungkin tidak dapat menunaikan obligasinya atau hampir hendak menggantung pembayaran dan adalah perlu bagi skim tersebut dilaksanakan supaya mengukuhkan atau menjamin kestabilan kewangan Persekutuan dan perlindungan kepada pendeposit-pendeposit.

Di bawah skim ini Bank tersebut boleh sama ada meraberi syer-syer satu syarikat kewangan berlesen atau membuat pendahuluan wang kepada syarikat-syarikat kewangan berlesen dengan tujuan untuk membolehkannya memperolehi harta dan tanggungan pengambil deposit itu dan harta pendeposit dalam pengambil deposit atau membuat pendahuluan wang kepada bank untuk membolehkannya memperolehi syarikat kewangan berlesen dan seterusnya akan memperolehi harta dan tanggungan pengambil deposit dan harta pendeposit dalam pengambil deposit dan sebagai balasannya pemegang deposit akan diberi syer-syer dalam syarikat kewangan berlesen. Kalau Akta Bank ini diperbuat kuasanya dari dahulu lagi ada kemungkinan tak berlaku atau dapat diselamatkan kepada penyimpan-penyimpan wang deposit,

Kepada beberapa buah koperasi penyimpan wang deposit atau KPD yang mana kita semua maklum telah banyak disalahgunakan atau diselewengkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, yang diamanah atau dipercayai serta diberi tanggungjawab oleh ahli-ahli koperasi berkenaan pada kebiasaannya pada ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusinya yang mana sebahagian orang yang diberi tanggungjawab serta dipercayai itu telah melibatkan jumlah wang ahli-ahli yang banyaknya berjuta-juta ringgit telah dilenyapkan beglту sahaja. Tetapi nasib baik Kerajaan kita ada ikhlas, berhati murni, mahu menolong membantu memberi subsidi kepada koperasi-koperasi yang terlibat itu demi untuk menyelamatkan wang ahli-ahlinya yang terlibat itu dari

hilang begitu sahaja walaupun tidak sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Akta ini timbul kesedaran Kerajaan khususnya pihak Kementerian Kewangan dan Bank Negara kita tentulah akibat dari peristiwa trajedi tersebut iaitu berlaku penyelewengan termasuk di atas koperasi penyimpanan deposit berkenaan. Sebab saya berkata demikian memandangkan Akta ini sudah hampir usia 30 tahun berlalu barulah ada kesedaran untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 itu dengan tujuan untuk memperkukuh dan mengubahsuai, menambah-tokok mana-mana seksyen baru sebagaimana yang terdapat dalam Fasal 3(2) seksyen baru iaitu 31B dan 31C itu yang mana tercatat dalam Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan khususnya Kementerian Kewangan dan Bank Negara kerana dapat membuat segala pindaan ke atas Rang Undang-undang atau Akta tersebut ialah semata-mata untuk khidmat menyelamatkan wang rakyat yang ada beribu jutia ringgit disimpan deposit di KPD dan syer-syer di institusi-institusi kewangan negara kita ini. Diharapkan dengan adanya Akta ini segala peraturan lebih ketat dan kandungannya semoga akan dapat lebih berkesan perlindungan dan keselamatan wang rakyat dari segala kejadian yang tidak diingini dan juga diharapkan Kerajaan akan menggunakan sebaik-baiknya Akta ini setelah diluluskan nanti demi untuk membanteraskan segala rupa jenayah kewangan di negara ini.

Dengan ini, sekianlah sahaja, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini untuk diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong.

6.20 ptg.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan satu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 ini. Dari itu saya sokong penuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Rang Undang-undang ini terpaksa dipinda, ini satu perkara yang ditimbulkan apabila satu perkara yang besar sekali kerana berkaitan dengan kewangan di negara kita telah berlaku. Semua ada berkaitan dengan orang-orang miskin, rakyat jelata Malaysia. Jadi, Ini satu tanggungjawab besar terhadap Kerajaan yang dipilih oleh rakyat jelata berbilang bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kewangan ini memang satu punca manusia sangat-sangat mudah, kadang-kadang apabila dengar wang sahaja, ha-ha, nafsu sudah naik. Itulah kesilapan manusia. Jadi apa yang sudah jadi, saya fikir sudah jadi, tidak boleh buat apa-apa. Masa akan datang saya berharap-harapkan Kerajaan kita, Kementerian Kewangan kita akan ambil lebih berat atas syarikat-syarikat kerjasama, koperasi-koperasi yang ada sekarang, kerana orang-orang yang jimatkan wang di syarikat-syarikat kerjasama, terutama sekali orang-orang yang miskin.

Apabila perkara ini sudah berlaku, saya tahu banyak keluarga-keluarga yang miskin sekali, ibu bapa, anak-anak semua menangis kerana mereka dapat wang ini dengan titik-peluh dan darah mereka, bukan pergi merompak. Jadi ini satu kesalahan yang besar

sekali apabila perkara ini sudah berlaku. Saya fikir sampai hari ini tidak boleh berlaku lagi. Jadi Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara ini patutlah dijalankan dengan serta-merta,

Saya baru-baru ini pun ada terima sepucuk surat daripada pihak yang berkenaan, mengatakan, dalam tiga hari - 9hb, 10hb dan 11hb hendak pergi Muar, meraberi 50% wangnya kepada penyimpan-penyimpan wang itu, tetapi apabila saya hendak datang mesyuarat di sini, saya ada teritna sepucuk surat lagi, katanya akan ubah tarikhnya kepada lewat sedikit masa, tetapi bulan yang satna. Jadi, ini satu cerita yang baik sekali. Jadi, menunjukkan Kerajaan kita ada bertaanggungjawab, Bank Negara kita, Kementerian Kewangan kita ada bertanggungjawab sepenuhnya kepada rakyat jelata yang miskin. Jadi, apabila sudah janji, janji mesti dilaksanakan.

Jadi, sudahlah sampai masanya Bank Negara kita akan keluarkan wang ini tidak berapa lama lagi. Saya fikir perkara ini di dalatn dunia, ini perkara berlaku di Malaysia. Saya fikir sesiapa pun tidak fikir, tetapi perkara ini berlaku untuk Kerajaan dapat pandangan yang baik, pandangan-pandangan yang sepenuhnya, masa akan datang siapa hendak mainkan wayang ini terhadap undang-undang, kita tidak kira mereka siapa, semua rakyat Malaysia, siapa yang melanggar undang-undang mesti dihukum di bawah undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara ini berkaitan dengan perseorangan, bukan berkaitan dengan apa-apa parti. Jadi apabila perkara ini berkaitan dengan perseorangan, perseorangan mesti tanggungjawab sepenuhnya, tidak boleh ditolak kepada Kerajaan atau

salahkan kepada sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Bank Negara kita pada masa sekarang kedudukannya memang susah, punca wang dari mana? Kementerian Kewangan tiap hari, tiap malam mesti hendak baca macam mana, dari mana punca kita hendak dapat wang ini untuk mengatasi perkara ini. Jadi, saya fikir, tahun Baharu Cina pun tidak lama akan sampai, jadi, Kerajaan kita ada timbang rasa, tidak lama lagi saya fikir, sebelum Tahun Baharu Cina, orang-orang miskin ini akan dapat wang sedikit sebanyak wang mereka untuk merayakan hari raya itu. Ini bermakna Kerajaan kita Kerajaan dipilih oleh rakyat dan untuk rakyat.

Jadi, di sini saya tidak mahu memanjangkan ucapan saya lagi, saya fikir masa pun sudah cukup.....

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh menyambungkan esok hari ucapan yang bernas itu nanti.

Tuan Lau Keng Siong: Tidak payah [Ketawa]. Jadi, di sini saya mohon menyokong penuh Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap. Boleh saya tanya? Kalau ada tolong berdiri.

Tuan Haji Hamid Araby bin Mohd. Saleh: [Bangun].

Tuan Haji Abdul Hamid Haji Latif: [Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua: Di minta Ahli Yang Berhormat memulakan ucapan perbahasan pada esok hari kerana jam kita sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jam nampaknya tidak lama lagi akan tamat, jadi, sekarang saya dengan hormatnya menangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang, hari esok, hari Rabu 16hb. Disember, 1987.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

